

PENGURUSAN KEWANGAN MASJID: MODEL IMARAH MASJIDTM

ASHARAF MOHD. RAMLI ABDULLAAH JALIL
NORMAN HAMDAN ASMADDY HARIS
MOHAMMAD AIZUDDIN ABDUL AZIZ

WISDOM
PUBLICATION

Pengurusan Kewangan Masjid:
Model Imarah Masjid TM

Pengurusan Kewangan Masjid: Model Imarah Masjid TM

Asharaf Mohd. Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan,
Asmaddy Haris, Mohammad Aizuddin Abdul Aziz

WISDOM PUBLICATION

Nilai, Negeri Sembilan

WISDOM PUBLICATION NS0078217-W
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,
Nilai Impian,
Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: 06-794 6394
Email: wisdompublisher@gmail.com
Blog: www.wisdompublication.blogspot.com

Hak Cipta Terpelihara © 2012-2014 Wisdom Publication

ISBN 978-967-10299-1-6

Edisi Pertama
Cetakan: April 2014

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau para penulis.

Pendapat dan pandangan yang dinyatakan oleh para penulis di dalam buku ini tidak semestinya melambangkan pendapat dan pandangan pihak penerbit: Wisdom Publication (NS0078217-W).

Pencetak:
Red Apple Innovations (002110125-H),
B-5-G, Acacia Avenue, Jalan Jati 9,
Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel: 06- 799 5929
Email: redappleinnovation@gmail.com

Firman Allah ﷻ (al-Tawbah: 17-18):

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسَاجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ بِالْكُفْرِ أُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي النَّارِ هُمْ خَالِدُونَ (*) إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ (*)

Maksudnya: “[17] Tidaklah layak orang-orang kafir musyrik itu memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah, sedang mereka menjadi saksi (mengakui) akan kekufuran diri mereka sendiri. Mereka itu ialah orang-orang yang rosak binasa amal-amalnya dan mereka pula kekal di dalam neraka. [18] Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong]

PRAKATA

Segala Puji Bagi Allah, Tuhan Sekalian Alam,

Selawat dan Salam ke atas Junjungan Kita, Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga, para sahabat baginda serta seluruh umat baginda sehingga ke Hari Kiamat.

Pihak penerbit memanjatkan kesyukuran kepada Allah ﷻ di atas limpah tawfiq dan inayah-Nya, maka kami dapat menerbitkan sebuah lagi karya para ilmuan USIM yang berteraskan penyelidikan. Buku ini adalah merupakan satu sumbangan pihak kami dalam memartabatkan institusi masjid serta pengenalan kepada Model Imarah Masjid TM yang telah dibangunkan oleh para penulis naskhah buku ini. Pihak kami amat berharap agar karya seumpama ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh umat Islam khususnya pihak pengurusan masjid dan surau lantaran isi kandungannya yang amat bermanfaat dan sesuai dengan realiti semasa tanggungjawab pengurusan masjid yang kian mencabar.

Pihak kami amat mengalu-alukan pihak penulis untuk terus menyumbang dalam penulisan berkaitan pengurusan kewangan masjid kerana kekurangan rujukan di dalam bidang ini. Semoga Allah ﷻ menjadikan segala usaha pihak yang terlibat di dalam penerbitan buku ini sebagai amalan soleh yang diterima pada “hari di mana harta dan anak-anak tidak dapat memberi manfaat, melainkan mereka yang datang menemui Allah ﷻ dengan hati yang sejahtera.”

WISDOM PUBLICATION

PENDAHULUAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Segala puji-pujian ke hadrat Allah ﷻ, sembah salam ke atas Nabi junjungan Muhammad ﷺ, keluarganya, sahabat-sahabatnya, semoga Allah mencucuri rahmat ke atas mereka.

Menyelusuri sejarah perkembangan Islam, masjid adalah merupakan syiar atau mercu tanda keagungan agama Islam. Rasulullah ﷺ telah meletakkan peranan masjid sebagai sebuah institusi terpenting bagi umat Islam yang terbukti dengan pembinaan masjid di Quba' sewaktu di dalam perjalanan menuju ke Madinah dan seterusnya pembangunan Masjid Nabawi di Madinah. Pembentukan negara Islam Madinah adalah berpaksikan kepada peranan besar yang diletakkan kepada institusi masjid yang tidak hanya sebagai pusat beribadat dan menimba ilmu pengetahuan sahaja, bahkan ianya melangkaui sebagai pusat perbendaharaan negara dan pertemuan dengan delegasi-delegasi luar. Sudah tentulah satu bentuk pengurusan yang sistematik seperti pengurusan kewangan dan sumber manusia telah dilaksanakan bagi memastikan segala peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan tersebut dapat dilakukan secara mantap dan berkesan.

Justeru, buku ini akan membincangkan dua aspek penting pengurusan kewangan masjid iaitu pendapatan dan perbelanjaan dana masjid. Satu model kewangan masjid iaitu Model Imarah MasjidTM telah dibangunkan yang menerangkan secara terperinci tatacara pengurusan pendapatan dan perbelanjaan masjid. Aspek pendapatan masjid telah dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu pendapatan yang diperolehi dari dana umum dan pendapatan yang diperolehi dari dana khusus. Manakala perbelanjaan masjid pula dibahagikan kepada tiga kategori iaitu perbelanjaan pengurusan (idari), perbelanjaan kemasyarakatan (ijtima'i) dan pengurusan perniagaan (tijari).

Secara ringkasnya tajuk-tajuk yang dibincangkan di dalam naskhah kecil yang dihasilkan ini adalah seperti berikut:

- Peranan Masjid Sebagai Institusi Ekonomi Islam
- Masjid dari Perspektif Fiqh
- Kerangka Undang-undang bagi Masjid di Malaysia
- Model Imarah MasjidTM
- Fatwa-fatwa Berkaitan Pendapatan dan Perbelanjaan Masjid
- Penyata Pendapatan, Perbelanjaan dan Dana Bersih Masjid
- Kajian Lapangan

Melalui pengamatan kami selaku penulis buku ini, masih belum terdapat penulisan yang menjuruskan perbincangan terhadap aspek pengurusan kewangan masjid yang merupakan suatu keperluan yang mustahak khususnya kepada pegawai-pegawai pengurusan masjid. Adalah diharapkan nukilan yang dihasilkan ini dapat dijadikan panduan bagi mencapai matlamat ke arah penambahbaikan institusi masjid untuk kemaslahatan ummah. Semoga ilmu yang bermanfaat yang disebarkan ini menjadi satu bentuk amal jariah yang berpanjangan sepertimana yang dinyatakan di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurayrah رضي الله عنه:

إِذَا مَاتَ الرَّجُلُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ، أَوْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ

Maksudnya: “Apabila mati anak Adam, maka terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara iaitu: anak yang soleh yang mendoakan kesejahteraan baginya, atau sedeqah jariah (yang mengalir), atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya”.

Pengarang

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah ﷻ yang mencipta alam semesta dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ dan kaum keluarga baginda serta para sahabat r.anhum.

Kesyukuran dipanjatkan kepada Allah ﷻ kerana dengan keizinan-Nya kami dapat menyempurnakan penulisan buku yang bertajuk “Pengurusan Kewangan Masjid: Model Imarah MasjidTM” ini.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pihak Wisdom Publication di atas segala saranan dan penambahbaikan sehinggalah terhasilnya penulisan ini. Sekalung penghargaan juga kami rakamkan kepada pihak USIM, khususnya Fakulti Ekonomi dan Muamalat, yang secara langsung dan tidak langsung memberikan kerjasama dalam menjayakan penulisan ini. Kami juga ingin melahirkan rasa penghargaan dan terima kasih kepada pihak luar khususnya pihak JAWI Labuan yang sudi menjemput kami untuk mengendalikan perundingan dan bengkel Pengurusan Kewangan Masjid bagi kami berkongsi hasil kajian dan aplikasi Model Imarah MasjidTM ini.

Semoga curahan ilmu yang terkandung di dalam karya ini dapat diaplikasi dan diambil manfaat oleh pihak-pihak yang berkepentingan ke arah pemantapan institusi masjid di Malaysia khasnya dan luar negara amnya.

Sekian,terima kasih.

Pengarang

LATAR BELAKANG PENGARANG

Asharaf Mohd Ramli adalah merupakan pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau memperolehi MSC (with distinction) di dalam bidang Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan dari Loughborough University pada bulan September 2006. Beliau telah menyempurnakan Sarjana Muda Pengajian Islam (Shariah) (Dengan Kepujian) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada waktu ini, beliau sedang melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam di IiiBF, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Bidang penyelidikan beliau merangkumi Perbankan dan Kewangan Islam, Waqf, Ekonomi Islam dan Pengurusan Kewangan Masjid.

Abdullaah Jalil adalah merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau merupakan lulusan Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Pengajian Islam) daripada Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan dengan mendapat keputusan “Mumtaz” atau “Kelas Pertama” dan berjaya menamatkan pengajian beliau di sana dalam tempoh tiga tahun sahaja. Beliau kemudiannya menyambungkan pengajian di peringkat sarjana di dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan dianugerahkan Anugerah Pelajar Terbaik Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) pada tahun 2004. Pada masa ini, beliau sedang melanjutkan pelajaran di INCEIF bagi program Doktor Falsafah di dalam Kewangan Islam bermula Januari 2011 dan juga berkhidmat sebagai salah seorang panel Syariah Bank Rakyat sejak April 2012. Bidang penyelidikan beliau merangkumi Fiqh Muamalat, Perbankan dan Kewangan Islam, Pembangunan Produk Kewangan Islam, Wakaf, Audit Syariah dan Pengurusan Kewangan Masjid.

Norman Hamdan telah berkhidmat selama 9 tahun sebagai pensyarah perakaunan di Kolej Yayasan Melaka sebelum menyertai Universiti Sains Islam Malaysia pada 2008. Sehingga kini, beliau mengajar dalam bidang yang sama di Fakulti Ekonomi dan Muamalat. Beliau memiliki ijazah pertama dalam bidang perakaunan di Monash University dan MBA di Universiti Kebangsaan Malaysia. Di samping itu beliau juga merupakan Ahli Bersekutu Malaysian Institute of Accountants (MIA). Penyelidikan dan penulisan beliau lebih banyak menjurus pada perakaunan kewangan, perakaunan kerajaan dan perakaunan untuk organisasi bukan bematlamatkan keuntungan.

Asmaddy Haris adalah merupakan pensyarah kanan dan dekan (semasa) di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM. Beliau telah memperolehi Doktor Falsafah

di dalam bidang Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau telah mengajar pelbagai subjek di peringkat siswazah dan pasca-siswazah di beberapa buah institusi lain termasuk Kolej IKRAM, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penyelidikan beliau adalah berkenaan aplikasi sekuriti sosial di dalam membangunkan ummah ke arah pertumbuhan ekonomi mapan.

Mohammad Aizuddin Abdul Aziz adalah merupakan Guru Bahasa (Halaqah), Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau merupakan lulusan Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dari Universiti Sains Islam Malaysia pada tahun 2007. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian di peringkat Diploma Lanjutan dalam jurusan Undang-undang dan Kehakiman Islam dan dianugerahkan Diploma Amalan Kehakiman Dan Guaman Syarie (DIJAP) dari USIM (2008). Kini, beliau sedang melanjutkan pengajian beliau di USIM di peringkat sarjana dalam bidang Syariah.

RINGKASAN KANDUNGAN

PERANAN MASJID SEBAGAI INSTITUSI EKONOMI ISLAM	1
MASJID DARI PERSPEKTIF FIQH.....	13
KERANGKA UNDANG-UNDANG BAGI MASJID DI MALAYSIA	21
PENGURUSAN EKONOMI DAN KEWANGAN MASJID: SATU KERANGKA CADANGAN.....	27
FATWA-FATWA BERKAITAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN MASJID	35
MODEL IMARAH MASJID TM	55
KAJIAN LAPANGAN.....	63

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong]

ISI KANDUNGAN

PRAKATA.....	i
PENDAHULUAN.....	ii
PENGHARGAAN.....	iv
LATAR BELAKANG PENGARANG.....	v
RINGKASAN KANDUNGAN.....	vii
ISI KANDUNGAN.....	ix
SENARAI JADUAL, GAMBARAJAH DAN CARTA	xi
PERANAN MASJID SEBAGAI INSTITUSI EKONOMI ISLAM	1
1.1 Sejarah Masjid dan Peranannya di dalam Islam.....	1
1.2 Perkembangan Masjid al-Haram dan Masjid Nabawi.....	2
1.3 Peranan Masjid Di Zaman Rasulullah ﷺ	4
1.3.1 Pusat Ibadat	5
1.3.2 Pusat Pendidikan	5
1.3.3 Pusat Pertahanan dan Ketenteraan	6
1.3.4 Pusat Ekonomi dan Kebajikan	6
1.3.5 Pusat Pentadbiran	7
1.3.6 Pusat Perundangan	7
1.4 Masjid dan Pemimpin Islam	8
1.5 Masjid Sebagai Pusat Ekonomi Islam	8
MASJID DARI PERSPEKTIF FIQH.....	13
2.1 Definisi Masjid	13
2.2 Kategori Masjid.....	14
2.3 Kedudukan dan Kemuliaan Masjid.....	14
2.4 Beberapa Hukum Fiqh dan Fatwa berkaitan Masjid	16
2.4.1 Solat Jenazah di dalam Masjid.....	16
2.4.2 Akad Nikah di dalam Masjid	16
2.4.3 Jual Beli di dalam Masjid.....	17
2.4.4 Kemasukan Orang Bukan Islam ke dalam Masjid.....	18
2.4.5 Mengunci Masjid pada Selain Waktu Solat	19

KERANGKA UNDANG-UNDANG BAGI MASJID DI MALAYSIA	21
3.1 Latar Belakang dan Sejarah Masjid di Malaysia	21
3.2 Kedudukan Masjid Menurut Perlembagaan Malaysia	22
3.3 Pengurusan dan Pentadbiran Masjid di Malaysia	23
3.3.1 Sultan/Yang Dipertua Negeri dan Yang Dipertuan Agong	24
3.3.2 Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)	24
3.3.3 Jabatan Agama Islam Negeri/Pejabat Agama Islam Negeri.....	25
3.3.4 Jawatankuasa Pengurusan Masjid.....	26
PENGURUSAN EKONOMI DAN KEWANGAN MASJID: SATU	
KERANGKA CADANGAN	27
4.1 Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid	27
4.1.1 Pendapatan Masjid	29
4.1.2 Perbelanjaan Masjid	31
4.1.3 Cabaran dan Masalah dalam Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid	
.....	33
FATWA-FATWA BERKAITAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN	
MASJID.....	35
5.1 Peranan Fatwa di dalam Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid.....	35
5.2 Fatwa Berkenaan Pendapatan Masjid	36
5.2.1 Dana Umum.....	46
5.2.2 Dana Khusus.....	49
5.3 Fatwa Berkenaan Perbelanjaan Masjid	50
5.3.1 Idari.....	50
5.3.2 Ijtima ^c i.....	53
5.3.3 Tijari.....	54
5.4 Analisa Fatwa.....	46
5.5 Fatwa Negeri Melaka Berkaitan Dana Masjid dan Surau.....	49
MODEL IMARAH MASJID TM	55
6.1 Pengenalan kepada Model Imarah Masjid TM	55
6.1.1 Contoh Jenis-Jenis Pendapatan.....	56
6.1.2 Contoh Jenis-Jenis Pendapatan.....	57

6.1.3 Contoh Penyata Pendapatan Masjid (Yang Biasa Diamalkan).....	58
6.2 Penyata Pendapatan, Perbelanjaan Dan Dana Bersih.....	59
6.2.1 Penyata Ringkas Bulanan/Tahunan.....	59
6.2.2 Buku Rekod Kewangan Harian (Bulanan/Tahunan)	60
KAJIAN LAPANGAN.....	63
7.1 Pengenalan.....	63
7.2 Data.....	63
7.3 Statistik Umum Responden	63
7.4 Penemuan: (Penyediaan Laporan Kewangan).....	64
7.5 Penemuan: Aspek Pendapatan.....	66
7.6 Penemuan: Aspek Perbelanjaan.....	68
7.7 Penemuan: Pemilikan Aset Masjid.....	70
KESIMPULAN DAN CADANGAN	73
BIBLIOGRAFI.....	77
LAMPIRAN.....	82
LAMPIRAN A	84
LAMPIRAN B.....	85

SENARAI JADUAL, GAMBARAJAH DAN CARTA

Jadual 1: Deskripsi Ringkas Sistem Pengurusan Masjid	27
Jadual 2: Fatwa Dana Umum.....	46
Jadual 3: Fatwa Dana Khusus	49
Jadual 4: Fatwa Perbelanjaan Idari	50
Jadual 5: Fatwa Perbelanjaan Ijtima'î	53
Jadual 6: Fatwa Perbelanjaan Tijari	54
Jadual 7: Statistik Umum Responden.....	64
Jadual 8: Penyediaan Laporan Kewangan	64
Jadual 9: Masalah Pengurusan Kewangan.....	66
Jadual 10: Maklumat Pendapatan Masjid, Daerah Hulu Langat	67

Jadual 11: Maklumat Perbelanjaan Masjid, Daerah Hulu Langat.....	69
Jadual 12: Maklumat Aset Masjid, Daerah Hulu Langat	71
Gambarajah 1: Kerangka Pengurusan dan Pentadbiran Masjid di Malaysia	23
Gambarajah 2: Hubungan di antara Pengurusan Sokongan dan Peranan Utama Masjid.....	27
Gambarajah 3: Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid	28
Gambarajah 4: Pendapatan Masjid.....	29
Gambarajah 5: Perbelanjaan Masjid	33
Carta 1: Peratusan Perbelanjaan Masjid 2006.....	69
Carta 2: Peratusan Perbelanjaan Masjid 2007	69
Carta 3: Peratusan Perbelanjaan Masjid 2008	70

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong]

PERANAN MASJID SEBAGAI INSTITUSI EKONOMI ISLAM

1.1 Sejarah Masjid dan Peranannya di dalam Islam

Perkembangan institusi masjid dari sudut kewujudan dan pembinaannya mempunyai rentetan sejarah panjang yang bersesuaian dengan kedatangan Islam. Dalam menyusuri catatan sejarah Islam, kewujudan pembinaan awal masjid di atas muka bumi ini ialah Masjid al-Haram di Makkah yang dibina oleh Nabi Ibrahim عليه السلام dan anaknya Nabi Isma'il عليه السلام. Firman Allah ﷻ (Ali 'Imran:96):

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya: “Sesungguhnya rumah ibadat yang mula-mula dibina untuk manusia (beribadat kepada Tuhannya) ialah Baitullah di Makkah yang berkat dan (dijadikan) petunjuk hidayah bagi umat manusia.”

Kebenarannya turut disandarkan kepada pengakuan Nabi ﷺ di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari Abu Dhar رضي الله عنه ketika mana beliau bertanya Nabi ﷺ berkenaan awal-awal masjid yang didirikan (al-Bukhari, Muslim):

قَالَ: قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَيُّ مَسْجِدٍ وُضِعَ فِي الْأَرْضِ أَوَّلُ؟ قَالَ: «الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ»
قَالَ: قُلْتُ: ثُمَّ أَيٌّ؟ قَالَ «الْمَسْجِدُ الْأَقْصَى» قُلْتُ: كَمْ كَانَ بَيْنَهُمَا؟ قَالَ: «أَرْبَعُونَ
سَنَةً، ثُمَّ أَيْنَمَا أَدْرَكَتْكَ الصَّلَاةُ بَعْدَ صَلَاتِهِ، فَإِنَّ الْفَضْلَ فِيهِ»

Maksudnya: “Wahai Rasulullah ﷺ, apakah masjid yang pertama dijadikan di muka bumi ini? Baginda ﷺ bersabda: Masjid al-Haram, kemudian aku bertanya lagi, selepas itu wahai Rasulullah? Baginda ﷺ bersabda: Masjid al-Aqsa, aku bertanya lagi: Berapa jarak (tempoh pembinaan) antara keduanya? Baginda ﷺ bersabda: Empat puluh tahun.”

Perkembangan pembinaannya tidak terhenti sekadar dengan terdirinya Baitullah al-Haram, bahkan terus berkembang dan menjadi paksi utama dalam penyebaran dakwah Islam.

Peranan masjid pada zaman Rasulullah ﷺ bermula seawal pembinaan Masjid Quba pada tahun 622 Masihi, iaitu tahun pertama Hijrah. Pembinaan ini berasaskan kepada perancangan yang dibuat oleh Rasulullah ﷺ dan perundingan beserta para sahabat r.anhum dan penduduk Quba'. Masjid ini telah dibangunkan secara kolektif di mana Rasulullah ﷺ sendiri turut serta mengangkat batu-bata dengan dibantu oleh golongan Muhajirin dan Ansar.

Pembinaan Masjid Quba' kemudiannya diikuti dengan pembinaan Masjid al-Nabawi di kota Madinah dan beberapa buah masjid yang lain berikutan dengan perkembangan Islam dan jumlah umat Islam yang semakin bertambah. Selain daripada masjid yang dibina atas inisiatif Rasulullah ﷺ sendiri, terdapat juga beberapa buah masjid yang dibina oleh beberapa puak dan kabilah tertentu dengan kebenaran Baginda ﷺ.

1.2 Perkembangan Masjid al-Haram dan Masjid Nabawi

Perkembangan masjid ini tidak hanya tertumpu kepada usaha menambah angka bilangan masjid yang sedia ada iaitu Baitullah/Masjid al-Haram, Masjid al-Aqsa dan Masjid Nabawi. Tetapi usaha ke arah penambahbaikan dan membesarkannya turut menjadi tumpuan utama. Tambahan lagi di ketika mana umat Islam semakin hari semakin bertambah. Keluasan yang sempit memerlukan pertambahan ruang bagi membolehkan bilangan umat yang ramai dimuatkan di dalamnya.

Bagi maksud tersebut, tidak terkecuali dua buah masjid utama yang diperkatakan di sini iaitu Masjid al-Haram dan Masjid Nabawi. Kedua-dua masjid ini turut mengalami proses perubahan dari sudut binaannya dengan tujuan memenuhi keperluan umat semasa yang semakin bertambah angkanya.

Ibn al-Jawzi menyatakan:

“Sesungguhnya Masjid al-Haram itu kecil sahaja, tidak mempunyai dinding yang menutupi. Ia hanya di kelilingi dengan rumah-rumah di sekitarnya. Di antara rumah-rumah tersebut terdapatnya pintu-pintu yang membolehkan manusia masuk ke dalamnya. Setelah ianya menjadi semakin sempit disebabkan bertambahnya manusia, maka saidina Umar ؓ telah membeli rumah-rumah di kelilingnya dan kemudian merobohnya serta membina dinding-dinding rendah di sekelilingnya. Proses penambahbaikannya turut diteruskan oleh para sahabat lain seperti Usman bin Affan ؓ, Abdullah Ibn Zubair r.anhuma dan khalifah- khalifah Islam seterusnya”

Begitu juga dengan Masjid Nabawi yang turut mengalami proses yang sama. Ia seperti yang diriwayatkan daripada Abdullah Ibn Umar r.anhuma (al-Bukhari):

أَنَّ الْمَسْجِدَ كَانَ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَبْنًى بِاللِّبْنِ، وَسَقْفُهُ
الْجَرِيدُ، وَعُمْدُهُ خَشَبُ النَّخْلِ

Maksudnya: “Sesungguhnya masjid pada zaman Nabi SAW dibina dengan batu-bata, bumbungnya daripada pelepah tamar dan tiangnya dari pohon tamar”.

Keadaan dan kedudukan Masjid Nabawi berkekalan seperti bentuk asalnya sehingga ke pemerintahan Saidina Umar ؓ. Saidina Abu Bakar ؓ tidak melakukan sebarang penambahan ke atas Masjid Nabawi, begitu juga Saidina Umar ؓ kecuali beliau melakukan penggantian tiang-tiang lama, itu pun masih mengekalkan penggunaan bahan yang digunakan oleh Nabi ﷺ iaitu pohon-pohon tamar.

Pertambahan yang ketara ke atas Masjid Nabawi mula dilihat dilakukan di era pemerintahan Saidina Uthman ؓ. Beliau bukan sahaja menggantikan dinding bata dan tiang tamar dengan batu-bata yang diukir indah, bahkan melakukan penambahan keluasan Masjid Nabawi. Keluasan asal Masjid Nabawi hanya dalam lingkungan enam puluh ke tujuh puluh hasta, pertambahan yang dibuat menjangkau sehingga seratus enam puluh hasta panjang dan lebar seluas seratus lima puluh hasta. Penambahbaikan kedua-dua masjid ini berterusan daripada satu generasi kepada generasi seterusnya sehinggalah ke hari ini. Perluasan kawasan demi perluasan dilakukan, begitu juga dengan seni bina yang dihiasi ukiran indah

bagi membolehkan umat Islam melakukan ibadat di dalamnya serta memberikan keselesaan yang sempurna dalam beribadah kepada Allah ﷻ.

1.3 Peranan Masjid Di Zaman Rasulullah ﷺ

Sebagai utusan Allah ﷻ yang berperanan mendidik manusia menuju kepada Allah ﷻ, Rasulullah ﷺ telah melaksanakan amanah yang diberikan kepada Baginda dan menjadikan masjid sebagai pusat aktiviti keagamaan yang tidak hanya tertumpu kepada soal ibadat sahaja, bahkan turut merangkumi pelbagai urusan kehidupan seharian lain. Seperti mana Baginda ﷺ mengadakan mesyuarat di Masjid Quba bersama beberapa sahabat Baginda ﷺ setelah masjid tersebut selesai didirikan .

Selain itu, Baginda ﷺ juga telah menjadikan masjid sebagai tempat percambahan fikiran, keilmuan dan pembentukan masyarakat Islam. Baginda ﷺ menyampaikan ilmu dan wahyu yang diterima kepada para sahabat. Baginda ﷺ juga memberikan nasihat dan panduan kepada mereka dalam persoalan yang mencakupi kehidupan umat Islam seperti dalam perkara Islam, Iman dan Ihsan, cara pembentukan peribadi, pembersihan hati, peraturan berkeluarga, berumahtangga, berpolitik, berjual beli, ketenteraan dan sebagainya yang diperlukan untuk kesempurnaan hidup setiap Muslim secara individu, bermasyarakat dan bernegara. Sewaktu di Mekah, Baginda ﷺ menjadikan Masjid al-Haram sebagai tempat penyebaran Islam pada musim haji dan masa-masa lain.

Dalam usaha untuk mengukuhkan ajaran Islam di kalangan pengikutnya terutama kepada mereka yang baru memeluk Islam, Rasulullah ﷺ melaksanakan program khas dalam bentuk “*Tafaqquh fi al-Din*”, khususnya di Masjid al-Nabawi di Madinah. Baginda ﷺ sendiri bertindak sebagai guru yang utama kepada mereka. Mereka sentiasa mendampingi Rasulullah ﷺ untuk mempelajari asas-asas Islam siang dan malam. Sementara mereka yang bekerja dalam bidang pertanian, perniagaan dan perdagangan mempelajari Islam bersama Rasulullah ﷺ ketika masa lapang.

Secara umumnya, peranan masjid di zaman Rasulullah ﷺ boleh diringkaskan kepada enam (6) peranan yang utama seperti yang akan dibincangkan di bawah.

1.3.1 Pusat Ibadat

Peranan utama masjid sebagai pusat ibadat umat Islam adalah sangat jelas. Pembinaan masjid bertujuan untuk membolehkan umat Islam melakukan amal ibadah di dalamnya dengan mengingati Allah ﷻ, mendirikan solat, memuji Allah ﷻ dan melakukan pelbagai amal ibadah lain. Firman Allah ﷻ yang bermaksud (Al-Nur:36):

فِي بُيُوتٍ أُذِنَ لِلَّهِ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ

Maksudnya: “(Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyata terutama sekalian) di rumah- rumah ibadat yang diperintahkan Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingati nama Allah padanya di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pagi dan petang”.

Peranannya sebagai pusat ibadat turut ditegaskan oleh Nabi ﷺ di dalam sebuah hadith berkenaan teguran Baginda ﷺ terhadap perbuatan seorang arab badwi yang telah membuang air kecil di satu sudut di dalam masjid Nabi ﷺ. Nabi ﷺ bersabda (Muslim):

إِنَّ هَذِهِ الْمَسَاجِدَ، لَا تَصْلَحُ لَشَيْءٍ مِنْ هَذَا الْبَوْلِ، وَلَا الْقَذَرِ، إِنَّمَا هِيَ لِذِكْرِ اللَّهِ
وَالصَّلَاةِ، وَقِرَاءَةِ الْقُرْآنِ

Maksudnya: “Sesungguhnya masjid ini bukanlah untuk dicemarinya dengan air kencing dan kotoran, tetapi untuk mengingati Allah ﷻ, sembahyang dan membaca al-Quran”.

1.3.2 Pusat Pendidikan

Demi memastikan kemajuan tamadun Islam, penguasaan ilmu pengetahuan merupakan antara faktor penting. Dalam mewujudkan masyarakat yang hebat serta berilmu, Islam begitu menitikberatkan pengajian dan pendidikan. Dalam konteks ini, Nabi ﷺ turut menjadikan masjid sebagai medium untuk Baginda ﷺ

menyampaikan ajaran Islam serta wahyu Ilahi. Sejarah pendidikan Islam telah membuktikan bahawa masjid mempunyai pertalian yang erat dengan ilmu. Masjid sebagai tempat perhimpunan untuk Rasulullah ﷺ menyampaikan wahyu Allah ﷻ.

Para sahabat Rasulullah ﷺ yang mendengar wahyu dan hadith daripada Rasulullah ﷺ di masjid menyampaikan kepada sahabat lain yang tidak berkesempatan untuk menghadiri majlis ilmu bersama dengan Baginda ﷺ. Para sahabat r.anhum juga mengajarkan ahli keluarga mereka dengan apa yang telah mereka pelajari daripada Rasulullah ﷺ di dalam majlis-majlis ilmu bersama Baginda ﷺ. Dengan ini, pertalian ilmu yang bermula di masjid dapat terus disampaikan kepada masyarakat dengan berkesan.

1.3.3 Pusat Pertahanan dan Ketenteraan

Pada awal era Islam, fungsi masjid tidak hanya tertumpu kepada aspek perbentukan rohani, tetapi turut berfungsi meningkatkan kemahiran jasmani. Di mana, masjid juga merupakan gelanggang tentera muslimin menjalani latihan ilmu pertempuran dan peperangan. Ianya telah disaksikan sendiri oleh Umm al-Mu'minin, Saidatina 'A'ishah r.anha bersama-sama Rasulullah ﷺ yang telah melindunginya di belakang bahu Baginda ﷺ ketika menyaksikan orang Habshah bermain alatan perang dan perisai pada hari perayaan. Selain itu, kebanyakan sahabat r.anhum melakukan kerja menyediakan busur dan anak panah mereka di Masjid Nabawi. Masjid juga merupakan tempat untuk merawat perajurit yang tercedera dan luka di dalam peperangan. Rasulullah ﷺ sendiri pernah menyuruh supaya didirikan sebuah khemah di tepi masjid dan urusan rawatan diserahkan kepada *sahabiah* Rufaidah r.anha bagi membalut luka orang Islam.

1.3.4 Pusat Ekonomi dan Kebajikan

Masjid berfungsi sebagai tempat yang menaungi usaha ekonomi dan kebajikan untuk umat Islam. Sejarah Islam telah membuktikan masjid telah dijadikan tempat menyimpan khazanah kewangan negara, baitulmal dan tabung kewangan lain. Pada zaman Umar al-Khattab ؓ, diwujudkan khazanah al-Khaabah. Sejarah

pernah membuktikan Masjid al-Umawi di Damsyik pernah dijadikan pusat Baitulmal. Sementara masjid-masjid di Baghdad diwujudkan dewan-dewan *al-Birr wa al-Sadaqah*. Masjid juga berfungsi sebagai tempat untuk bermesyuarat dan mentadbir urusan kebajikan seperti pengurusan jenazah, nikah kahwin dan seumpamanya.

1.3.5 Pusat Pentadbiran

Rasulullah ﷺ juga menjadikan masjid sebagai tempat menguruskan hal ehwal pemerintahan dan pentadbiran negara seperti menjalankan kerja-kerja perhubungan awam, menulis surat-surat, memilih pendakwah, wakil dan utusan dari kalangan sahabat r.anhum untuk dihantar kepada ketua-ketua kabilah di Semenanjung Tanah Arab serta kepada raja-raja di luar Tanah Arab bagi meneruskan usaha dakwah Islam. Melalui masjid juga, Nabi ﷺ mengeluarkan arahan kepada gabenor-gabenor di wilayah Islam dalam urusan pungutan zakat dan mengatur strategi peperangan bagi menghadapi dan memenangnya.

1.3.6 Pusat Perundangan

Pada zaman Rasulullah ﷺ juga, masjid juga dijadikan sebagai tempat menyelesaikan kes-kes perundangan seperti dengan mengadakan perbicaraan, menyelesaikan persengketaan, memutuskan tuntutan dan pelbagai isu lain yang timbul.

Kewujudan institusi masjid dilihat melalui perkembangan yang sejajar bersesuaian dengan perkembangan tempat dan masa umat Islam. Pembinaannya turut mengalami perubahan bersesuaian dengan peredaran zaman moden yang tidak hanya kekal dalam bentuk pembinaan lama. Seni bina masjid juga telah berkembang sejajar dengan kemajuan ilmu dan teknologi umat Islam. Bahkan, penyerapan budaya-budaya tempatan umat Islam terhadap aspek fizikal masjid juga dilihat sebagai lambang kebolehpayaan masjid meraikan kepelbagaian yang terdapat di dalam umat Islam itu sendiri.

1.4 Masjid dan Pemimpin Islam

Satu perkara penting yang perlu diperhatikan ialah kedudukan Masjid Nabawi yang dibina bersebelahan dengan rumah Baginda Rasulullah ﷺ. Sebahagian para ulama' menyatakan bahawa kedudukan yang dekat di antara Masjid Nabawi dan rumah Rasulullah ﷺ sebagai pemimpin utama umat Islam mengandungi hikmah yang sangat besar. Ini memudahkan untuk seseorang pemimpin Islam itu menjadi teladan dalam mengimarahkan masjid serta memudahkan masyarakat awam untuk bertemu dengan Baginda ﷺ pada setiap waktu solat. Ini dapat merapatkan jurang di antara pemimpin dan masyarakatnya. Oleh itu, perancangan bandar dan penempatan menurut perspektif Islam perlu mengambil kira kedudukan masjid dan rumah/pejabat para pemimpin Islam agar kedua-duanya berdekatan. Kedudukan Jabatan Perdana Menteri dan Masjid Putrajaya yang bersebelahan sepertimana yang dapat dilihat pada hari ini merupakan manifestasi yang baik bagi perancangan perbandaran menurut Islam.

1.5 Masjid Sebagai Pusat Ekonomi Islam

Masjid merupakan institusi terpenting (*al-hay'ah al-ulya*) di dalam masyarakat Islam. Apabila Rasulullah ﷺ berhijrah ke Madinah, institusi yang pertama dibina oleh Baginda ﷺ ialah masjid iaitu Masjid Nabawi. Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, masjid boleh dilihat sebagai sebuah institusi yang universal yang memainkan peranan yang pelbagai. Masjid boleh dilihat sebagai institusi ibadah dan kerohanian, institusi pendidikan, institusi sosial, institusi pentadbiran/politik dan institusi pertahanan atau ketenteraan, serta institusi ekonomi dan kewangan Islam yang tidak bermotifkan keuntungan. Pada hari ini, kekuatan dana yang dapat dijana oleh sesebuah masjid khasnya di kawasan bandar memang agak membanggakan. Namun begitu, kewujudan dana ini di dalam sistem kewangan dan ekonomi Islam seolah-olah tidak diambil kira sebagai sesuatu yang penting di dalam sistem kewangan dan ekonomi Islam masa kini.

Peranan masjid di dalam mengumpul dana dan menyalurkannya kepada unit ekonomi yang defisit mempunyai asas di dalam Sunnah Rasulullah ﷺ. Jarir Ibn Abdullah ﷺ meriwayatkan bahawa bapanya berkata (Muslim):

“Ketika kami sedang berada di sisi Rasulullah ﷺ pada waktu tengahari, maka datanglah sebuah kaum yang dalam keadaan tidak beralas kaki dan tidak cukup pakaian, mereka memakai penutup kepala yang terkoyak sambil menggantungkan pedang di badan mereka, kebanyakan mereka adalah dari [qabilah] Mudharr. Maka berubah wajah Rasulullah ﷺ kerana melihat kesusahan yang mereka hadapi. Maka Rasulullah ﷺ pun memasuki (rumah) dan kemudian keluar serta memerintahkan Bilal ﷺ untuk melakukan azan dan iqamah (Zohor). Setelah itu, Baginda ﷺ (dan para sahabat r.a.) bersolat. Setelah selesai solat, Baginda ﷺ berkhotbah dan membaca ayat al-Quran (dari Surah al-Nisaa’: Ayat 1 dan Surah al-Hashr: Ayat 18). Serta bersabda:

تَصَدَّقَ رَجُلٌ مِنْ دِينَارِهِ مِنْ دِرْهَمِهِ مِنْ ثَوْبِهِ مِنْ صَاعِ بُرٍّ مِنْ صَاعِ تَمْرِهِ (حَتَّى قَالَ)
وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ

“Bersedekahlah seseorang itu daripada dinarnya, daripada dirhamnya, daripada pakaiannya, daripada segantang gandumnya, daripada segantang tamarnya, (sehingga Baginda ﷺ bersabda) walaupun dengan sebahagian daripada sebiji tamarnya.”

Maka orang ramai agak perlahan untuk mula bersedekah. Maka datanglah seorang lelaki daripada Ansar dengan satu kantung yang hampir-hampir tidak mampu dipegang dengan tapak tangannya. Maka setelah itu, orang ramai pun terus bersedekah secara berterusan sehingga terkumpulnya dua longgokan besar pakaian dan makanan dan sehingga aku telah melihat wajah Rasulullah ﷺ berseri-seri seolah-olah bekas yang bersinar. Maka Baginda ﷺ pun bersabda:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَلَهُ أَجْرُهَا وَأَجْرُ مَنْ عَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ مِنْ غَيْرِ أَنْ
يَنْقُصَ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ وَمَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً سَيِّئَةً كَانَ عَلَيْهِ وِزْرُهَا وَوِزْرُ مَنْ
عَمِلَ بِهَا مِنْ بَعْدِهِ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَنْقُصَ مِنْ أَوْزَارِهِمْ شَيْءٌ

“Barangsiapa yang mencipta di dalam Islam satu sunnah yang baik, maka dia memperoleh pahalanya dan pahala orang-orang yang beramal dengan

sunnah tersebut selepasnya tanpa mengurangkan sedikit pun daripada pahala-pahala mereka. Dan barangsiapa mencipta satu sunnah yang buruk, maka dia memperoleh dosanya dan dosa orang-orang yang beramal dengan sunnah (yang buruk) tersebut selepasnya tanpa mengurangkan sedikit pun dosa-dosa mereka.”

Di dalam hadis di atas, peranan masjid sebagai pusat pentadbiran dan ekonomi yang menyelesaikan masalah ekonomi umat Islam dapat dilihat dengan jelas. Pemindahan kekayaan atau dana daripada kelompok yang mempunyai lebih (surplus) kepada golongan yang kekurangan (deficit) dilakukan melalui institusi masjid. Namun begitu, aktiviti perniagaan yang bermotifkan keuntungan adalah ditegah daripada dilakukan di dalam masjid kerana masjid bukanlah dibina untuk tujuan berjual-beli di dalamnya. Abu Hurairah رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda (al-Tirmidhi):

إِذَا رَأَيْتُمْ مَنْ يَبِيعُ أَوْ يَتَّاعُ فِي الْمَسْجِدِ، فَقُولُوا: لَا أَرْبَحَ اللَّهُ تِجَارَتَكَ

Maknanya: “Apabila kamu melihat seseorang yang sedang menjual atau membeli di dalam masjid. Maka katakanlah oleh kamu: “Semoga Allah tidak menguntungkan perniagaan kamu.”

Ini menunjukkan bahawa masjid bukanlah institusi perniagaan yang bermotifkan keuntungan. Di dalam sistem ekonomi Islam, masjid dilihat sebagai institusi kewangan dan ekonomi *ijtima'i* yang tidak bermotifkan keuntungan. Namun begitu, kedudukan masjid pada hari ini dilihat sebagai sebuah entiti yang mempunyai tanggungjawab dan beban kewangan. Bagi meneruskan kelangsungan institusi masjid, ia perlu mempunyai pendapatan bagi membiayai tanggungjawab dan beban kewangan yang dipikulnya. Berdasarkan tanggungjawab kewangan yang dipikul oleh masjid, kerangka pengurusan ekonomi dan kewangan masjid dilihat sebagai sangat penting dan relevan bagi memastikan kelangsungan institusi masjid dapat diteruskan. Dengan pertambahan bilangan masjid di seluruh Malaysia, kos pengurusan masjid yang

perlu ditanggung oleh pihak MAIN adalah semakin tinggi. Oleh kerana itu, pihak pengurusan masjid perlu memikirkan bentuk-bentuk pendapatan yang dapat dijana oleh pihak masjid bagi menjamin agar masjid terus dapat melaksanakan peranan utamanya.

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong]

MASJID DARI PERSPEKTIF FIQH

2.1 Definisi Masjid

Dari sudut bahasa, “masjid” adalah kawasan tempat sujud bagi seseorang yang sedang bersujud. Dari sudut istilah pula, ia adalah:

1. “Rumah yang didirikan untuk bersolat di dalamnya kerana Allah ﷻ dan ia hanyalah semata-mata bagi-Nya dan bagi tujuan beribadat kepada-Nya
2. “Setiap tempat yang boleh dilakukan ibadat dan sujud kepada Allah ﷻ padanya.”

Ini adalah bersesuaian dengan sabdaan Rasulullah ﷺ (al-Bukhari):

وَجَعَلْتُ لِي الْأَرْضَ مَسْجِدًا وَطَهُورًا، فَأَيُّمَا رَجُلٍ مِنْ أُمَّتِي أَدْرَكَتْهُ الصَّلَاةُ فَلْيَصِلْ

Maksudnya: “Dijadikan bumi ini bagiku sebagai masjid dan suci, dan mana-mana lelaki daripada umatku yang telah wajib ke atasnya solat, maka bersolatlah [di mana ia berada].”

Dari sudut uruf pula, “masjid” bermaksud “tempat yang disediakan untuk solat lima waktu.” Kawasan atau tempat yang hanya didirikan solat Hari Raya padanya tidak dinamakan “masjid” dari sudut uruf dan hukum ahkam masjid tidak terpakai padanya. Begitu dengan sekolah dan *rubat*, kedua-duanya tidak dianggap sebagai masjid dari sudut uruf kerana kedua-duanya mempunyai tujuan yang berbeza selain daripada mendirikan solat.

2.2 Kategori Masjid

Imam al-Mawardi (2000) membahagikan masjid kepada 2 kategori [berdasarkan hak pemilikan] di dalam kitabnya – al-Ahkam Al-Sulthaniyyah, iaitu:

1	Masajid Sulthaniyyah	Masjid yang didirikan oleh sultan atau kerajaan
2	Masajid ^c Ammah	Masjid umum yang didirikan dengan harta persendirian bukan kerajaan

Sebahagian kitab fiqh membahagikan masjid kepada dua kategori, iaitu:

1	Masjid Jami ^c	Masjid yang didirikan solat Jumaat di dalamnya
2	Masjid Ghayr Jami ^c	Masjid biasa yang tidak didirikan solat Jumaat di dalamnya

Hakikat ini telah pun ada di zaman Rasulullah ﷺ dan Khulafa' al-Rashidin. Pada waktu itu, terdapat tujuh (7) atau sembilan (9) buah masjid di Madinah, namun solat Jumaat hanya didirikan di sebuah masjid sahaja, iaitu Masjid Nabawi.

Sebahagian fuqaha' pula membahagikan masjid berdasarkan jumlah solat berjema'ah yang didirikan di dalamnya kepada 2 kategori:

1	Masjid Jama ^c ah	Masjid yang didirikan 5 solat fardu secara berjema'ah di dalamnya
2	Masjid Ghayr Jama ^c ah	Masjid yang didirikan solat berjemaah di dalamnya kurang dari 5 kali waktu solat fardu

2.3 Kedudukan dan Kemuliaan Masjid

Masjid adalah bahagian muka bumi yang paling dicintai oleh Allah ﷻ. Membina masjid bagi memenuhi keperluan di kawasan tempat tinggal sama

ada bandar atau kampung adalah wajib dan fardu kifayah. Di sana terdapat banyak hadis Rasulullah ﷺ yang menggalakkan pembinaan masjid, memuliakannya, menghormatinya, mewangikannya dan membersihkannya. Saidina Uthman ؓ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda (al-Tirmidhi):

مَنْ بَنَى لِلَّهِ مَسْجِدًا بَنَى اللَّهُ لَهُ مِثْلَهُ فِي الْجَنَّةِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang membina masjid semata-mata mencari keredhaan Allah, maka Allah akan membina baginya mahligai seumpamanya di syurga.”

Berkenaan dengan menjaga kemuliaan masjid, Wathilah Ibn Al-Asqa’ ؓ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda (Ibn Majah):

جَنِّبُوا مَسَاجِدَكُمْ صِبْيَانَكُمْ، وَمَجَانِينَكُمْ، وَشُرَاءَكُمْ، وَيَبِعَكُمْ، وَخُصُومَاتَكُمْ، وَرَفَعَ أَصْوَاتَكُمْ، وَإِقَامَةَ حُدُودِكُمْ، وَسَلَّ سِوْفِكُمْ، وَاتَّخَذُوا عَلَى أَبْوَابِهَا الْمَطَاهِرَ، وَجَمَرُوهَا فِي الْجُمُعِ "

Maknanya: “Hindarilah masjid-masjid kamu daripada kanak-kanak kamu, orang-orang gila kamu, urusan jual-beli kamu, pertelingkahan kamu, mengangkat suara kamu (padanya), mendirikan hukum hudud kamu, dan hunusan pedang-pedang kamu. Dan sediakanlah di handapan pintu-pintunya tempat-tempat bersuci dan wangikanlah ia pada hari-hari Jumaat.”

Umat Islam juga digalakkan melazimi masjid dan meluangkan waktu di dalamnya dengan tujuan memakmurkan dan menghidupkan masjid dengan amalan-amalan khususnya berkaitan dengan solat. Abu al-Darda’ ؓ berkata kepada anaknya: “Wahai anak, hendaklah engkau jadikan masjid itu rumahmu, sesungguhnya aku mendengar Rasulullah ﷺ bersabda (Ibn Abi Shaybah):

الْمَسَاجِدُ بُيُوتُ الْمُتَّقِينَ، فَمَنْ يَكُنِ الْمَسْجِدَ بَيْتَهُ يَضْمَنْ اللَّهُ لَهُ الرُّوحَ وَالرَّحْمَةَ وَالْجَوَازَ عَلَى الصِّرَاطِ إِلَى الْجَنَّةِ

Maknanya: “Masjid-masjid adalah rumah-rumah orang yang bertaqwa, dan barangsiapa yang menjadikan masjid sebagai rumahnya, Allah ﷻ telah

menjamin kepada mereka yang menjadikan masjid-masjid sebagai rumah mereka dengan ruh, rahmat dan melepasi titian sirat ke syurga.”

2.4 Beberapa Hukum Fiqh dan Fatwa berkaitan Masjid

Pihak pengurusan masjid wajib mengetahui dan mempelajari hukum ahkam berkaitan dengan masjid agar dapat mengelakkan sesuatu yang menyalahi Shariat dilakukan di dalamnya dan seterusnya memelihara kehormatan masjid serta memaksimumkan peranan dan fungsinya. Secara umumnya, pihak pengurusan masjid dan masyarakat umat Islam di Malaysia berpegang dengan mazhab Shafie sebagai sumber rujukan hukum. Berikut adalah beberapa hukum ahkam fiqh berkaitan dengan masjid:

2.4.1 Solat Jenazah di dalam Masjid

Para fuqaha berselisih pendapat berkenaan keharusan mendirikan solat jenazah di dalam masjid. Ulama' mazhab Shafie dan Hanbali mengharuskannya, manakala ulama' mazhab Hanafi dan Maliki berpandangan bahawa perkara tersebut adalah makruh. Bahkan, pendapat muktamad di dalam mazhab Shafie ialah solat jenazah disunatkan untuk dilakukan di dalam masjid. Ulama' mazhab Hanbali pula mengharuskan solat jenazah di dalam masjid dengan syarat selamat daripada berlaku pencemaran, sekiranya ia tidak dapat dipastikan, maka hukumnya adalah makruh.

2.4.2 Akad Nikah di dalam Masjid

Majoriti fuqaha' berpendapat bahawa sunat dilakukan akad nikah di dalam masjid kerana keberkatan bumi masjid serta dapat dimasyhurkan akad nikah dengan mudah. Ini adalah berdasarkan riwayat Saidatina Aishah r.anha yang menyatakan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda (al-Tirmidhi):

أَعْلِنُوا هَذَا النِّكَاحَ وَاجْعَلُوهُ فِي الْمَسَاجِدِ وَأَضْرِبُوا عَلَيْهِ بِالْدُّفُوفِ

Maksudnya: “Iklankanlah pernikahan ini dan lakukanlah ia di masjid-masjid serta pukullah walaupun dengan kompang.”

Di sisi mazhab Maliki, akad nikah di dalam masjid hanyalah melibatkan lafaz ijab dan qabul tanpa pernyataan syarat-syarat atau mengangkat suara atau memperbanyak kata-kata. Sekiranya, perkara-perkara tersebut dilakukan, maka ia adalah makruh. Ulama' mazhab Hanafi pula berpendapat bahawa mengadakan majlis perkahwinan di masjid adalah tidak makruh selagimana ia tidak melibatkan perkara-perkara yang merosakkan amalan agama. Sekiranya, perkara tersebut berlaku, maka ia adalah makruh.

2.4.3 Jual Beli di dalam Masjid

Mazhab Shafie berpendapat bahawa makruh melakukan jual beli di dalam masjid berdasarkan riwayat Abu Hurairah رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda (al-Tirmidhi):

إِذَا رَأَيْتُمْ مَنْ يَبِيعُ، أَوْ يَتَّاعُ فِي الْمَسْجِدِ، فَقُولُوا: لَا أَرْبَحَ اللَّهُ تِجَارَتَكَ

Maksudnya: “Sekiranya kamu melihat seseorang yang menjual atau membeli (sesuatu) di dalam masjid, maka katakanlah: “Semoga Allah tidak menguntungkan perniagaan kamu.”

Ulama' mazhab Hanafi dan Hanbali berpendapat bahawa hukum makruh berjual beli di dalam masjid hanyalah bagi orang yang tidak beriktikaf di dalam masjid. Bagi mereka yang beriktikaf di dalam masjid, tidak mengapa bagi mereka untuk berjual beli di dalam masjid bagi keperluan mereka tanpa membawa barang jualan tersebut ke masjid.

Sekiranya, barang jualan tersebut di bawa ke masjid untuk jual beli dilakukan, maka hukumnya adalah makruh kerana masjid adalah tempat yang sepatutnya tidak berkait dengan hak-hak dan tuntutan manusia.

Mazhab Maliki juga berpendapat bahawa makruh bagi urusan jual-beli dilakukan di dalam masjid sekiranya barang jualan dizahirkan dan dipamerkan di masjid. Namun begitu, sekiranya terdapat pihak yang mengangkat suara bagi

tujuan jualan di dalam masjid dan barang tersebut diletakkan di dalam masjid serta orang yang ingin membeli boleh melihatnya dan menawarkan harga yang dikehendaki kepada pemiliknya, maka hukumnya adalah haram kerana perkara tersebut menjadikan masjid seumpama pasar. Sekiranya dilakukan lafaz ijab dan qabul semata-mata, maka ia tidak mengapa.

2.4.4 Kemasukan Orang Bukan Islam ke dalam Masjid

Ulama' mazhab Shafie berpendapat bahawa orang bukan Islam boleh memasuki masjid selain daripada Masjidil Haram dengan izin orang Islam. Orang bukan Islam tidak boleh memasuki masjid tanpa keizinan orang Islam mengikut pendapat sahih di dalam mazhab. Sekiranya seseorang bukan Islam itu masuk ke dalam masjid tanpa keizinan, maka dia boleh dihukum ta'zir (denda) sekiranya dia mengetahui bahawa dia perlu mendapatkan keizinan untuk tujuan tersebut.

Mazhab Hanafi berpendapat bahawa tidak mengapa orang bukan Muslim yang dhimmi memasuki Masjidil Haram dan lain-lain masjid kerana Rasulullah ﷺ pernah meletakkan rombongan dari Tha'qif di dalam masjid sedangkan mereka itu golongan kafir.

Mazhab Maliki pula berpendapat bahawa orang bukan Islam walaupun dhimmi adalah tidak diharuskan masuk ke masjid walaupun diizinkan oleh seorang Muslim melainkan sekiranya ada keperluan darurat yang memerlukan mereka memasuki masjid seperti membuat binaan. Tanpa ada keperluan darurat, seorang dhimmi tidak dibenarkan memasuki masjid.

Ulama' mazhab Hanbali mempunyai dua pandangan berkenaan isu ini. Pertama, seorang dhimmi tidak dibenarkan memasuki mana-mana masjid di luar kawasan haram Mekah tanpa izin umat Islam. Pendapat yang kedua ialah seorang dhimmi boleh memasuki mana-mana masjid di luar kawasan haram Mekah.

2.4.5 Mengunci Masjid pada Selain Waktu Solat

Majoriti ulama' termasuk mazhab Shafie berpendapat bahawa tidak mengapa masjid dikunci pada selain waktu solat dengan tujuan memeliharanya dan menjaga barang- barang yang terdapat di dalamnya, atau dengan tujuan mengelakkan dinding masjid yang bersebelahan dengan rumah-rumah orang lain ditebuk untuk tujuan pencurian. Ulama' mazhab Hanafi pula berpendapat bahawa mengunci masjid adalah makruh tahrimi kerana ia menyerupai perbuatan menghalang daripada solat. Dan perbuatan menghalang orang daripada melakukan solat adalah haram dengan nas al-Quran berikut (Al-Baqarah:114):

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ مَنَعَ مَسَاجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ وَسَعَىٰ فِي خَرَابِهَا

Maksudnya: “Dan siapakah yang lebih zalim daripada mereka yang menghalang masjid- masjid Allah daripada disebut nama-Nya di dalamnya serta berusaha untuk menghancurkannya...”.

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong]

KERANGKA UNDANG-UNDANG BAGI MASJID DI MALAYSIA

3.1 Latar Belakang dan Sejarah Masjid di Malaysia

Perkembangan institusi masjid di Malaysia adalah seiring dengan perkembangan agama Islam di Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu dan Malaya. Para sejarawan berbeza pendapat tentang tarikh yang tepat agama Islam mula diperkenalkan di tanah Melayu. Namun banyak yang berpendapat bahawa penyebaran agama Islam di Tanah Melayu dikatakan berlaku pada kurun ke-15 iaitu sewaktu zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka.

Institusi masjid yang merupakan lambang dan syiar agama Islam telah turut berkembang pesat didirikan di kawasan-kawasan penempatan penduduk bagi memudahkan umat Islam menunaikan ibadat seharian dan juga tempat mereka mendalami ilmu-ilmu agama. Memandangkan masjid adalah juga termasuk sebagai aset wakaf, kajian mengenai latar belakang institusi masjid di Malaysia perlulah juga melihat kepada perkembangan amalan wakaf di kalangan masyarakat Melayu Islam sejak dari dulu sehinggalah masa kini. Terdapat tiga masjid yang dianggap di antara aset wakaf terawal yang dibina iaitu Masjid Kg. Hulu di Melaka, Masjid Sultan Abu Bakar di Johor dan Masjid Kg. Laut di Kelantan. Masjid Kg. Hulu telah dibina pada tahun 1728, Masjid Kg. Laut pula dibina sekitar 1730-an, manakala Masjid Sultan Abu Bakar pula siap dibina pada tahun 1900. Walaupun telah berlalu ratusan tahun, dengan sedikit penambaan ketiga-tiga masjid tersebut masih tersergam indah digunakan oleh jemaah masjid.

Selepas kemerdekaan, pentadbiran dan pengurusan dan pentadbiran harta wakaf di Malaysia mengalami transformasi yang menyumbang kepada

pengurusan yang lebih efisien dan sistematik. Bersesuaian dengan ketetapan Jadual Kesembilan (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan Malaysia, semua perkara yang bersangkutan dengan hal ehwal wakaf termasuklah institusi masjid adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf, MAIN mempunyai kuasa dari sudut perundangan untuk memantau segala aktiviti berkaitan wakaf di negeri masing-masing

Dari sudut perundangan, pentadbiran dan pengurusan masjid di Malaysia adalah tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagaimana yang telah diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah merupakan tapak asas dan amanah yang dipikul oleh kerajaan negeri melalui MAIN untuk menguruskan hal ehwal masjid di Malaysia.


3.2 Kedudukan Masjid Menurut Perlembagaan Malaysia

Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah memperuntukkan bahawa Agama Islam, undang-undang Islam dan Adat Resam Melayu adalah diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Agama Islam sepertimana yang disebut di dalam Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan secara eksklusif merupakan agama rasmi bagi Persekutuan Malaysia manakala agama-agama lain boleh dianuti dan diamalkan. Namun dari aspek pengurusan dan pentadbiran, hal ehwal yang bersangkutan dengan agama Islam adalah tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Institusi masjid yang merupakan tempat suci bagi umat untuk melakukan ibadat seharian secara langsung tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan negeri. Perenggan 1 dalam senarai 2 – Senarai Negeri Jadual Ke-9, Perlembagaan berbunyi seperti berikut: “*Hukum syarak dan undang-undang diri..termasuk hukum syarak yang berhubung dengan...masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam,...*”. Peruntukan ini memberi kuasa kepada pentadbiran kerajaan negeri untuk mentadbir, mengurus dan memantau

perkara-perkara yang berkaitan dengan aktiviti dan pengimarah masjid. MAIN telah dipertanggungjawabkan di peringkat negeri untuk mentadbir, mengurus dan memantau segala aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan masjid di negeri-negeri masing-masing.

Gambarajah 1: Kerangka Pengurusan dan Pentadbiran Masjid di Malaysia



3.3 Pengurusan dan Pentadbiran Masjid di Malaysia

Sepertimana yang ditunjukkan oleh Gambarajah 1, struktur pengurusan dan pentadbiran masjid di Malaysia boleh dibahagikan kepada empat lapisan utama diketuai oleh Sultan atau Yang Dipertua Negeri bagi negeri-negeri lain dan Yang Di Pertuan Agong bagi Wilayah Persekutuan. Seterusnya pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah merupakan pihak yang mempunyai kuasa penuh untuk mentadbir dan menguruskan hal- ehwal masjid bagi negeri-negeri. Terdapat enakmen-enakmen yang digubal di peringkat negeri yang secara jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab MAIN memantau segala aktiviti masjid. Bagi memastikan kelicinan pentadbiran masjid di negeri-negeri, MAIN

telah menubuhkan Jabatan Agama Islam Negeri atau Pejabat Agama Islam Negeri yang mana terdapat unit khas yang mengawal selia masjid-masjid di peringkat negeri dan daerah. Jawatankuasa pengurusan masjid pula terletak di hierarki yang paling bawah terdiri daripada ahli kariah masjid yang dilantik untuk mengurus dan mentadbir masjid-masjid di bawah pemantauan MAIN.

3.3.1 Sultan/Yang Dipertua Negeri dan Yang Dipertuan Agong

Di Malaysia, selain menduduki strata yang paling tinggi di dalam pentadbiran negeri-negeri, institusi kesultanan dan Yang Dipertua Negeri juga mempunyai kuasa eksklusif sebagai ketua agama Islam bagi negeri-negeri. Terdapat sembilan negeri yang mempunyai institusi kesultanan Melayu yang bertindak sebagai ketua negeri seperti Pahang, Kedah, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Perlis dan Johor. Manakala Yang Dipertua Negeri bertindak sebagai ketua bagi negeri-negeri seperti Melaka, Penang, Sabah dan Sarawak. Sebagai ketua negara Malaysia, Yang Di Pertuan Agong adalah juga ketua agama Islam bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Sebagai ketua agama Islam negeri-negeri, segala enakmen-enakmen berkaitan dengan agama Islam khususnya perkara berkaitan hal ehwal masjid hendaklah mendapat perkenan dan kelulusan Sultan/Yang Dipertua Negeri atau Yang Di Pertuan Agong. Walaupun peranannya dianggap kecil, institusi ini adalah merupakan tunjang kepada keutuhan agama Islam dan kesatuan umat Islam di Malaysia dari diganggu domba oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

3.3.2 Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)

Peruntukan enakmen negeri-negeri telah memberikan kuasa kepada MAIN sebagai pemegang amanah masjid. Sebagai contohnya, Seksyen 72 Enakmen Negeri Sembilan, no. 1/1991 yang dikeluarkan oleh Negeri Sembilan telah menyatakan peranan Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah bagi masjid. Begitu juga enakmen negeri-negeri lain seperti Perlis, Pahang dan Wilayah Persekutuan yang menyatakan secara jelas bidang kuasa MAIN

terhadap masjid termasuklah tanah di atas masjid tersebut serta mana-mana tanah yang berhubungan dengan masjid dan mendatangkan faedah kepada masjid.

Selaku pihak yang berautoriti penuh di dalam pentadbiran masjid, MAIN telah menggubal undang-undang yang antara lain mengenakan sekatan pembinaan masjid, penalti bagi kesalahan-kesalahan berkaitan masjid dan kuasa merobohkan masjid serta isu-isu berbangkit. Kesemua enakmen yang diwujudkan ini menunjukkan bahawa MAIN mempunyai kuasa untuk mendakwa mana-mana individu atau organisasi yang didapati melanggar undang-undang yang telah ditetapkan. Selain itu aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan Islam seperti ajaran-ajaran sesat dan menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar dapat dibanteras.

3.3.3 Jabatan Agama Islam Negeri/Pejabat Agama Islam Negeri

Bagi memastikan kelancaran pengurusan masjid di seluruh negeri, MAIN telah menubuhkan Jabatan Agama Islam Negeri atau Pejabat Agama Islam Negeri bagi menyelaras pentadbiran masjid ke seluruh negeri. Satu unit khas yang dikenali sebagai Unit Pengurusan Masjid telah dipertanggungjawabkan untuk menyelia, memantau dan mengurus masjid-masjid yang terletak di kawasan masing-masing. Di antara tugas-tugas penting unit ini ialah memastikan khutbah jumaat dibekalkan kepada masjid-masjid, memantau segala aktiviti-aktiviti masjid dan bertanggungjawab menyalurkan bantuan kepada mana-mana masjid yang memerlukan.

Sebagai contoh, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) telah menubuhkan Pejabat Tadbir Jabatan Agama Islam Daerah bagi membantu MAIJ di dalam urusan pentadbiran hal ehwal Islam negeri termasuklah perkara yang berkaitan dengan pengurusan masjid. Pengurusan masjid ditadbir oleh Jawatankuasa Masjid yang berperanan mengawal selia segala aktiviti masjid-masjid di daerah masing-masing.

3.3.4 Jawatankuasa Pengurusan Masjid

Jawatankuasa pengurusan masjid adalah organisasi yang terlibat di dalam segala aktiviti seharian masjid. Kebiasaannya ahli jawatankuasa masjid terdiri dari ahli kariah masjid yang dilantik secara terus oleh MAIN atau yang dilantik melalui proses mesyuarat agong masjid yang diadakan setahun sekali. Pihak jawatankuasa masjid adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam atau Pejabat Agama Islam yang memantau segala aktiviti yang dijalankan. Kaedah-kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995, (pindaan 1999) dan (pindaan 2001) telah menetapkan peranan dan fungsi pegawai masjid dan juga jawatankuasa kariah di dalam mentadbir dan mengurus masjid-masjid di negeri Selangor.


Nazir adalah merupakan pengerusi jawatankuasa masjid yang bertanggungjawab di dalam pentadbiran dan pengurusan masjid. Manakala setiausaha dan bendahari masjid adalah di antara ahli jawatankuasa penting yang membantu pihak nazir menguruskan urusan harian dan kewangan masjid. Selain itu, beberapa biro boleh ditubuhkan merangkumi biro ekonomi, pendidikan dan sebagainya yang bertujuan untuk membantu mengimarahkan masjid melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang seterusnya dilaksanakan.

PENGURUSAN EKONOMI DAN KEWANGAN MASJID: SATU KERANGKA CADANGAN

4.1 Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid

Pengurusan ekonomi dan kewangan masjid adalah merupakan salah satu sistem pengurusan yang menyokong aktiviti-aktiviti (program) yang dijalankan oleh pihak masjid. Gambarajah 2 menggambarkan Hubungan di antara Sistem Sokongan dan Peranan Utama Masjid. Jadual 1 pula meletakkan deskripsi ringkas bagi setiap sistem pengurusan masjid.

Gambarajah 2: Hubungan di antara Pengurusan Sokongan dan Peranan Utama Masjid




Jadual 1: Deskripsi Ringkas Sistem Pengurusan Masjid

Aspek	Deskripsi Ringkas
-------	-------------------

Peranan Utama	Program	Perancangan dan pelaksanaan aktiviti
Sistem Sokongan	Sumber Manusia	Perlantikan bagi jawatan-jawatan dalam carta organisasi masjid
	Pembangunan	Pembangunan dan penyelenggaraan masjid
	Kewangan	Perakaunan seperti rekod dan laporan kewangan
	Ekonomi	Pengurusan pendapatan dan perbelanjaan

Pengurusan ekonomi dan kewangan masjid melibatkan dua aspek utama iaitu pendapatan dan perbelanjaan yang meliputi kaedah-kaedah untuk memperoleh dana atau aset dan tatacara penyaluran hasil-hasil yang diperolehi bagi kegunaan masjid. Gambarajah 3 menunjukkan model pengurusan ekonomi dan kewangan masjid yang menunjukkan bahawa pendapatan masjid boleh dijana melalui dua sumber utama iaitu sumber pendapatan yang berbentuk khusus dan am. Dana am adalah bentuk dana yang boleh dibelanjakan secara umum tanpa tujuan khusus. Dana khusus pula adalah merujuk kepada dana yang mempunyai tujuan tertentu dan khusus. Manakala perbelanjaan pula boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu perbelanjaan bagi *idari*, *ijtima^ci* dan *tijari*. Idari adalah merujuk kepada perbelanjaan berkaitan pentadbiran masjid, *ijtima^ci* adalah merujuk kepada segala aktiviti masjid yang tidak bermotifkan keuntungan, manakala *tijari* adalah merujuk kepada aktiviti masjid yang bermotifkan keuntungan. Perbincangan terperinci mengenai pendapatan dan perbelanjaan masjid adalah seperti di bawah.


Gambarajah 3: Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid



4.1.1 Pendapatan Masjid

Seperti yang dipaparkan di dalam Gambarajah 4 di bawah, pendapatan khusus masjid diperolehi melalui dana bertujuan tertentu seperti dana untuk membeli peralatan pembesar suara masjid dan dana untuk membeli permaidani baru masjid. Dana bertujuan khusus ini kebiasaannya diadakan di dalam suatu tempoh tertentu bagi mengumpulkan wang bagi jumlah yang tertentu. Apabila telah sampai tempoh masa dan jumlah wang yang dikehendaki berjaya dikumpul maka tabung terbabit akan ditutup. Khairat kematian pula merujuk kepada tabungan wang yang dikumpulkan melalui pembayaran yuran oleh ahli kariah masjid untuk digunakan bagi perbelanjaan pengurusan jenazah. Nilai yurannya pula berbeza mengikut kawasan seperti kawasan bandar mungkin kadarnya lebih sedikit dari kampung kerana kosnya yang lebih mahal. Termasuk di dalam kategori pendapatan khusus iaitu peruntukan khusus yang diperolehi oleh pihak masjid samada dari Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), syarikat swasta dan individu perseorangan. Kebanyakan Masjid Negeri dan Masjid Daerah misalnya mendapat geran peruntukan secara langsung dari MAIN. Manakala terdapat juga masjid yang dibiayai sepenuhnya oleh syarikat swasta seperti Kumpulan Masjid An-Nur di negeri Johor yang ditadbir dan diurus oleh Johor Corporation (JCorp) (www.jcorp.com.my).

Gambarajah 4: Pendapatan Masjid



Sumber pendapatan masjid yang berbentuk umum (sebagai contoh) terdiri daripada peruntukan umum, sumbangan berkala, sumbangan tidak berkala dan keuntungan aktiviti. Peruntukan umum adalah berupa dana atau tabungan yang tidak khusus kepada kegunaan-kegunaan tertentu. Pihak masjid bolehlah menggunakan hasil dana yang dikumpulkan ini untuk tujuan-tujuan yang difikirkan perlu. Sumbangan berkala pula merangkumi hasil kewangan yang diperolehi melalui potongan gaji oleh individu ahli kariah atau orang perseorangan yang lain samada bulanan atau tahunan. Di samping itu sumbangan berkala juga boleh diperolehi melalui program anak angkat masjid yang melibatkan penyaluran dana oleh syarikat-syarikat swasta ke atas masjid-masjid yang dijadikan anak angkat syarikat terbabit.

Sumbangan tidak berkala boleh didapati daripada tabarru' atau derma, wakaf dan hibah. Ianya adalah merupakan sumber dana tradisi yang diperolehi oleh masjid terutamanya tabung-tabung pada hari Jumaat dan dua hari raya iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidil Adha. Jumlah tabungan yang diperolehi oleh masjid pada hari jumaat berbeza mengikut kawasan yang mana kutipan yang diperolehi

oleh masjid-masjid yang terletak di kawasan bandar lebih tinggi dari masjid-masjid di kampung. Sebagai contohnya terdapat masjid yang terletak di bandar Kulim yang mempunyai pendapatan yang melebihi RM10,000 sebulan yang diperolehi daripada tabung umum hari Jumaat. Selain menerima bantuan dan sumbangan melalui tabungan- tabungan yang diwujudkan, terdapat juga pihak pengurusan masjid yang memperolehi pendapatan melalui hasil sewa aset wakaf masjid, keuntungan jualan, pulangan pelaburan dan yuran program.

4.1.2 Perbelanjaan Masjid


Bagi memastikan perbelanjaan masjid dapat diuruskan secara efektif dan sistematik, ianya perlulah dikategorikan kepada tiga kategori iaitu perbelanjaan yang berbentuk *idari*, *ijtima^ci* dan *tijari*. Perbelanjaan *idari* merujuk kepada sumber kewangan yang disalurkan bagi urusan pengurusan dan pentadbiran masjid yang meliputi pembayaran bil air dan elektrik, penyelenggaraan masjid seperti membaiki tandas, pembangunan masjid dan upah atau elaun tertentu (jika ada) yang dibayar kepada tukang cuci misalnya. Memandangkan perbelanjaan ini merupakan kategori perbelanjaan yang terpenting, maka pihak pengurusan masjid perlulah memperuntukkan jumlah wang tertentu dari dana yang diperolehi bagi menampung segala perbelanjaan di atas. Kegagalan pihak pengurusan masjid mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perbelanjaan *idari* akan mendatangkan masalah seperti talian elektrik diputuskan dan sebagainya.

Perbelanjaan *ijtima^ci* pula adalah merupakan wang yang dibelanjakan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan manfaat kepada ahli kariah masjid. Ini dikira sebagai sumbangan terbesar institusi masjid di dalam membantu meningkatkan kefahaman Islam kepada masyarakat Islam setempat. Di antara aktiviti yang utama ialah pendidikan seperti mengadakan kuliah-kuliah maghrib dan subuh, ceramah-ceramah umum dan menyediakan perpustakaan bagi memudahkan masyarakat Islam setempat memperoleh bahan-bahan bacaan khususnya yang berbentuk keagamaan.

Segala kos-kos seperti bayaran penceramah dan juga jamuan ringan yang disediakan akan ditanggung oleh pihak masjid. Selain itu, termasuk di dalam perbelanjaan *ijtima^ci* seperti penerbitan, bantuan masyarakat, wakaf aset dan mengadakan majlis sambutan perayaan Islam seperti sambutan Maulidur Rasul.

Kategori perbelanjaan *tijari* ialah dana yang disalurkan bagi membolehkan pihak pengurusan masjid terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang berorientasikan keuntungan seperti mengadakan koperasi masjid. Penubuhan koperasi masjid dapat membantu masjid menjalankan aktiviti-aktiviti seperti kursus-kursus berkala dan tidak berkala serta dividen keuntungan koperasi boleh digunakan untuk menyediakan kemudahan masjid, sebagai contohnya membina dewan masjid. Termasuk juga di dalam perbelanjaan *tijari* ialah modal yang digunakan untuk mengadakan program pendidikan, menjalankan aktiviti pertanian, pelaburan dan jualan. Kesemua aktiviti ini memerlukan perbelanjaan pendahuluan yang diambil dari dana masjid dan sekiranya mendapat keuntungan ianya akan dimasukkan ke dalam dana masjid. Lihat Gambarajah 5 untuk ilustrasi.

Gambarajah 5: Perbelanjaan Masjid



4.1.3 Cabaran dan Masalah dalam Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid

Terdapat pelbagai cabaran dan masalah yang perlu dihadapi oleh pihak yang berkuasa bagi mewujudkan pengurusan ekonomi dan kewangan masjid yang efisien dan sistematik. Di antara masalah utama yang dihadapi oleh institusi masjid ialah sumber tenaga manusia yang terhad. Kebanyakan ahli jawatankuasa masjid terutamanya di kampung-kampung terdiri dari kalangan orang-orang tua. Di dalam aspek pengurusan ekonomi dan kewangan masjid pula, terdapat bendahari masjid yang tidak mempunyai pengetahuan asas perakaunan yang akan menyebabkan rekod keluar masuk dana masjid tidak

terurus. Ini seterusnya akan menyebabkan dana-dana masjid tidak dapat disalurkan secara optimum bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat kepada ahli kariah masjid.

Selain itu ketiadaan garis panduan syariah yang jelas tentang penggunaan dana-dana masjid telah menyebabkan ahli jawatankuasa masjid tidak dapat melakukan tugas mereka secara teratur. Walaupun telah terdapat fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh badan-badan fatwa negeri dan negara, namun ianya tidak disusun di dalam bentuk rujukan yang boleh dijadikan panduan apabila hendak menggunakan dana-dana masjid. Isu-isu seperti pelaburan dana masjid dan memindahkan dana sebuah masjid ke masjid yang lain sebagai contohnya, walaupun telah difatwakan tetapi perlulah disusun secara sistematik bagi kegunaan ahli jawatankuasa masjid membuat keputusan apabila berhadapan dengan persoalan terbabit.

Cabaran pengurusan ekonomi dan kewangan masjid pada masa kini adalah terarah kepada aspek penjanaan ekonomi masjid dengan pelaksanaan beberapa strategi yang boleh menambahkan dana-dana masjid. Di antara strategi yang dicadangkan adalah melalui aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan keuntungan seperti mengadakan koperasi masjid, mengadakan kursus-kursus berbayar seperti kem solat dan membangunkan aset masjid seperti mendirikan dewan masjid untuk disewa. Namun, perlulah juga diberi perhatian bahawa institusi masjid tidak terlalu cenderung kepada program berbentuk tijari ataupun program berbentuk keuntungan sehingga melupakan peranan terpenting membangunkan masyarakat Islam melalui program berbentuk *ijtima'i* seperti kelas pengajian ilmu-ilmu agama dan sebagainya. Justeru, kerjasama semua pihak yang terlibat seperti MAIN dan ahli kariah setempat amatlah diperlukan bagi memperkemaskan pengurusan ekonomi dan kewangan masjid seterusnya mengimarahkan institusi masjid sebagai salah satu lambang keagungan agama Islam.

FATWA-FATWA BERKAITAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN MASJID

5.1 Peranan Fatwa di dalam Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid

Pengurusan dan pentadbiran masjid di Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Manakala pengurusan dan pentadbiran ekonomi dan kewangan masjid-masjid ditadbirurus oleh ahli jawankuasa masjid di bawah seliaan MAIN. Terdapat masjid-masjid yang mempunyai sumber ekonomi yang kukuh yang dijana oleh hasil aset-aset wakaf seperti tanah, bangunan dan peralatan yang disewakan selain kutipan tabung-tabung khas dan am seperti tabung hari Jumaat. Namun di dalam menguruskan dana-dana masjid yang adakalanya mencecah ratusan ribu ringgit, tidak terdapat garis panduan khas Syariah untuk diikuti oleh pihak pentadbiran masjid. Ini telah menyebabkan terdapat dana-dana masjid yang bernilai tinggi beku tidak dijana dengan sebaiknya.

Pengurusan dana masjid adalah merupakan satu bentuk pengurusan harta amanah yang terdiri daripada harta wakaf, dana tabarru' seperti sedekah, khairat kematian dan lain-lain. Harta dan dana ini adalah tertakluk kepada hukum-hukum Syariah yang berkaitan berdasarkan niat dan akad pihak penyumbang dana dan harta tersebut. Pihak pengurusan masjid tidak mempunyai kuasa mutlak di dalam membelanjakan harta dan dana tersebut. Ini adalah kerana pihak pentadbiran masjid hanyalah bertindak sebagai pemegang amanah ataupun nazir yang dilantik untuk menguruskan harta wakaf dan dana tabarru' tersebut. Oleh itu, pihak pengurusan masjid perlulah mempunyai pengetahuan Syariah yang jelas dalam menguruskan pendapatan dan perbelanjaan sesebuah masjid.

Berdasarkan beberapa temubual penyelidik dengan beberapa pihak pengurusan masjid yang bukan berlatarbelakangkan pengajian Islam, mereka menyatakan bahawa salah satu sebab yang menghalang pengurusan ekonomi dan kewangan masjid yang tersusun ialah ketiadaan garispanduan yang benar- benar jelas di dalam menerangkan tatacara pengurusan pendapatan dan perbelanjaan dana masjid. Sekiranya masalah yang berlaku tidak memerlukan penyelesaian segera, pihak masjid boleh merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri atau Wilayah. Namun begitu, memandangkan proses pengeluaran fatwa yang agak memakan masa ianya tidak sesuai bagi kes-kes yang memerlukan penyelesaian segera. Terdapat juga keadaan di mana pihak pengurusan masjid berada di dalam keadaan yang sukar untuk membuat keputusan segera seperti:

- penggunaan dana masjid untuk pembinaan masjid yang baru di kawasan lain,
- pemberian sedekah daripada dana masjid kepada pihak luar yang datang membuat rayuan di kawasan masjid dan isu-isu lain.

Ketiadaan garispanduan yang jelas dan terperinci menyebabkan sebahagian pihak pengurusan masjid banyak membuat keputusan berdasarkan mesyuarat pihak pengurusan masjid. Adakalanya keputusan dibuat berdasarkan keputusan individu yang bertugas pada masa tersebut.

5.2 Fatwa Berkenaan Pendapatan Masjid

Jadual-jadual di bawah adalah merupakan ringkasan dan pengkategorian fatwa berdasarkan model pengurusan ekonomi dan kewangan masjid yang telah dicadangkan pada perbincangan topik yang lepas. Jadual 2 dan 3 mengumpulkan dan mengkategorikan fatwa-fatwa berkaitan pendapatan masjid yang berbentuk umum dan khusus. Manakala Jadual 4, 5 dan 6 pula mengumpulkan dan mengkategorikan fatwa-fatwa berkaitan perbelanjaan masjid berbentuk idari, ijtima^ci dan tijari.

Di dalam menyediakan jadual-jadual ini, penyelidik merujuk kepada rujukan-rujukan fatwa bagi:

- Johor
- Melaka
- Pulau Pinang
- Kedah
- Brunei

5.2.1 Dana Umum

Jadual 2: Fatwa Dana Umum

Bil	Isu	Fatwa	Rujukan
1.	Takrif Masjid/Surau Wang	Wang masjid/surau dalam garis panduan ini merujuk kepada dana masjid/surau yang terkumpul hasil dari pelbagai sumber seperti derma individu atau organisasi kedalam akaun bank atas nama masjid/surau, atau derma yang dimasukkan ke dalam tabung yang disediakan di masjid/surau, tabung jumaat, wakaf tunai, pungutan derma sempena hari raya, tabung bergerak, sumbangan kerajaan, hasil sewaan dan sebagainya yang dimasukkan kedalam akaun masjid/surau.	Fatwa Mufti Negeri Melaka
2.	Sumber Masjid/Surau Wang	Secara umumnya, pendapatan wang masjid/surau yang terkumpul diperolehi daripada sumber-sumber seperti berikut: i) Wakaf tunai iaitu wakaf orang ramai dalam bentuk cek atau wang tunai yang dimasukkan ke dalam akaun bank atau tabung wakaf masjid/surau atau diserahkan kepada pihak masjid/surau yang diamanahkan atau pembelian tapak masjid/surau dalam bentuk kaki persegi oleh pewakaf. Dana wakaf tunai yang dikumpul kemudiannya ditukar kepada harta kekal yang akan dimanfaatkan untuk kebajikan dan kepentingan masjid/surau berkenaan seperti pembelian tapak masjid/surau, pembinaan, penyelenggaraan, membaikpulih, pembesaran dan sebagainya yang bersangkutan dengan keperluan masjid/surau secara langsung. ii) Derma khairat atau kebajikan iaitu derma orang ramai dalam bentuk cek atau tunai ke dalam akaun bank masjid/surau atau tabung yang disediakan oleh	Fatwa Mufti Negeri Melaka

		pihak masjid/surau di mana kegunaannya adalah umum meliputi pelbagai aktiviti pengimarah masjid/surau seperti mengadakan jamuan majlis khatam Al-Qur'an, majlis meraikan jemaah kariah pergi dan balik haji, bayaran penceramah, guru agama, pengurusan dan pentadbiran masjid/surau dan sebagainya. iii) Derma aktiviti khusus iaitu derma orang ramai dalam bentuk cek atau tunai ke dalam akaun bank atau tabung masjid/surau yang diwujudkan secara khusus untuk membiayai aktiviti tertentu dan dimaklumkan kepada orang ramai mengenainya seperti pungutan derma untuk majlis sambutan isra' mi'raj, sambutan Maulidurrasul, Ihya' Ramadhan dan sebagainya di mana wang yang terkumpul hendaklah dibelanjakan kepada aktiviti yang ditentukan itu sahaja. iv) Sumbangan kerajaan iaitu sumbangan kewangan oleh pihak kerajaan yang dimasukkan ke dalam akaun masjid/surau tertentu. v) Sumber-sumber lain iaitu wang masjid/surau yang terkumpul hasil daripada aktiviti jualan, kutipan sewa, keuntungan pelaburan dan sebagainya yang diusahakan oleh pihak masjid/surau.	
3.	Menyimpan wang Masjid di bank konvensional	Tidak sah menyimpan wang masjid di bank konvensional	Fatwa Mufti Negeri Johor
4.	Wang bank konvensional (<i>interest</i>) didermakan kepada masjid	1. Pihak masjid tidak boleh menerima wang tersebut. Wang tersebut perlu diserahkan kepada Baitulmal. 2. Fatwa berkenaan <i>interest</i> seperti di atas. Manakala jika	Fatwa Mufti Negeri Johor

5.2.2 Dana Khusus

Jadual 3: Fatwa Dana Khusus

Bil	Isu	Fatwa	Rujukan
1.	Tabung Kebajikan Khas	Ianya hendaklah digunakan untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan masjid dan juga kepentingan agama islam seperti menguruskan mayat, kelas fardhu ain dan lain-lain.	Fatwa Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang
2.	Kutipan Dana Masjid Baru diguna untuk Membina Surau	Kes ini berlaku disebabkan kerajaan tidak membenarkan didirikan masjid di kawasan Lahar Ikan Mati. Maka kutipan dana terbabit boleh digunakan untuk mendirikan surau di tempat terbabit supaya tidak terhenti pahala orang yang berniat berwaqaf wang untuk mendirikan masjid.	Fatwa Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang
3.	Tujuan Tabung Masjid	Hendaklah dinyatakan dengan jelas tujuan tabung-tabung khas yang diwujudkan dan kemana wang terbabit disalurkan seperti derma Maulid Rasul dan Khatam Quran. Sekiranya terdapat lebihan disimpan untuk sambutan tahun hadapan.	Fatwa Mufti Kerajaan Brunei
4.	Tabung Khairat Kematian yang Dipungut Bersama-sama Orang Islam dan Bukan Islam dan Dibahagikan Mengikut Giliran	Harus melakukan demikian dan sekiranya orang Muslim meninggal wang khairat akan diberi sebelum pengkebumian jenazah bagi meringankan beban waris. Bagi yang bukan Islam, wang khairat akan diberi selepas pengkebumian sebagai pertolongan kemanusiaan.	Fatwa Mufti Negeri Melaka

5.3 Fatwa Berkenaan Perbelanjaan Masjid

5.3.1 Idari

Jadual 4: Fatwa Perbelanjaan Idari

Bil	Isu	Fatwa	Rujukan
1	Penggunaan wang wakaf tunai yang dipungut khusus untuk pembangunan masjid.	Wakaf tunai yang dipungut khusus untuk pembangunan masjid wajiblah dibelanjakan pada pembangunan fizikal masjid yang berkenaan seperti pembelian tapak masjid, membina, membaikpulih, mengubahsuai, membesarkan, membeli peralatan, perkakasan, infrastruktur dan kemudahan fizikal yang bersangkutan dengan kepentingan masjid berkenaan sama ada pada masa sekarang atau pada masa yang akan datang.	Fatwa Mufti Negeri Melaka
2.	Penggunaan wang atau aset yang diwakafkan untuk masjid/surau tertentu.	Wang atau aset yang diwakafkan untuk masjid/surau yang tertentu, maka wajiblah dibelanjakan atau digunakan untuk manfaat dan maslahat masjid/surau yang ditentukan itu tidaklah boleh dibelanjakan, dipindahkan atau digunakan kepada masjid/surau lain sebagai menghormati niat pewakaf berkenaan.	Fatwa Mufti Negeri Melaka
3.	Penggunaan wang derma yang dipungut khusus bagi menjalankan aktiviti/majlis tertentu.	Wang yang didermakan oleh orang ramai bagi menjalankan aktiviti tertentu seperti Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil, Majlis Doa Selamat Pergi/Balik Haji, Majlis Sambutan Hari Kebesaran Islam dan sebagainya wajiblah dibelanjakan kepada aktiviti yang dikhususkan itu sahaja.	Fatwa Mufti Negeri Melaka

4.	Pengurusan baki atau lebih wang derma masjid/surau yang dipungut khas bagi menjalankan aktiviti/majlis tertentu	Baki atau lebih wang daripada pungutan derma khas yang dibuat bagi menjalankan aktiviti/majlis tertentu bolehlah disimpan dan dianjakkan derma tersebut kepada majlis yang serupa di masa akan datang. Jika hendak dibelanjakan baki atau lebih derma tersebut kepada aktiviti/majlis yang lain, wajiblah dihebahkan kepada orang-orang yang berderma untuk mendapatkan persetujuan dan keizinan terlebih dahulu.	Fatwa Mufti Negeri Melaka
5.	Penggunaan wang derma masjid/surau yang diperolehi atau dipungut daripada penderma yang tidak diketahui niat atau tujuannya dengan jelas.	Jika tidak diketahui niat dan tujuan orang yang berderma itu dengan jelas, maka hendaklah dilihat dari segi adat kebiasaan ('uruf') sesebuah masjid/surau dalam membelanjakan wang derma itu.	
6.	Zakat Wang Simpanan Masjid	Wang simpanan masjid tidak dikenakan zakat kerana ia tidak dimiliki oleh orang yang tertentu.	Fatwa Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang
7.	Meruntuhkan Masjid yang Buruk dan Mendirikan Masjid yang Baru serta Hukum Perkakasan Masjid boleh Dijual atau Tidak	1. Harus merobohkan masjid yang dianggap tidak selamat untuk digunakan. Perkakas-perkakas masjid yang masih elok perlu disimpan untuk kegunaan akan datang. Hanya perkakasan yang rosak contohnya kayu yang patah sahaja boleh dijual dan hasilnya dikembalikan kepada masjid. Sekiranya terdapat masjid lain yang berhajat kepada peralatan yang masih elok itu, maka harus diserahkan. 2. Tapak masjid yang telah dirobuhkan hendaklah didirikan	Fatwa Mufti Negeri Johor Fatwa Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang

		masjid yang baru. Peralatan masjid yang masih elok hendaklah digunakan pada masjid yang baru. Manakala peralatan yang rosak hendaklah dijual dan hasil jualan diserahkan kepada masjid untuk kegunaan masjid baru. 3. Harus robohkan masjid yang telah uzur dan tidak selamat untuk digunakan. Perkakasan masjid yang masih elok tidak boleh digunakan melainkan untuk dibuat masjid. Sekiranya tiada keperluan maka boleh digunakan untuk membuat surau atau madrasah. Dan sekiranya tiada berhajat kedua-duanya diharuskan menjual peralatan masjid seperti bumbung, dan tiang dan hasilnya dimasukkan kepada wakaf masjid.	Himpunan Fatwa Negeri Kedah Darul Aman (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah)
8.	Derma untuk Membaiki Masjid digunakan untuk membeli tikar, pembesar suara dan mesin rumput	Derma ini hanya khusus untuk membaiki masjid tidak boleh guna untuk tujuan lain. Sekiranya tidak terdapat kerosakan ianya disimpan untuk membaiki kerosakan pada masa akan datang. Derma baru perlu diwujudkan untuk membeli tikar atau perabot.	Fatwa Mufti Kerajaan Brunei

5.3.2 Ijtima'i

Jadual 5: Fatwa Perbelanjaan Ijtima'i

Bil	Isu	Fatwa	Rujukan
1.	Menggunakan Wang Tabung Masjid bagi Menampung Perbelanjaan Aktiviti-aktiviti Masjid seperti Membayar Penceramah	Harus jika dinyatakan terlebih dulu tujuan tabung diadakan dan cara wang tersebut digunakan.	Fatwa Mufti Negeri Melaka
2.	Penggunaan wang derma khairat orang ramai untuk kemaslahatan jemaah masjid/surau.	Wang yang didermakan oleh orang ramai sebagai khairat/kebajikan kepada sesebuah masjid/surau bolehlah dibelanjakan untuk aktiviti-aktiviti yang mendatangkan kemaslahatan ahli jemaah masjid/surau berkenaan contohnya seperti bayaran saguhati pensyarah dan guru yang mengajar di masjid/ surau itu, mengadakan jamuan, majlis berbuka puasa untuk ahli jemaah masjid, surau dan sebagainya.	Fatwa Mufti Negeri Melaka

5.3.3 Tijari

Jadual 6: Fatwa Perbelanjaan Tijari

Bil	Isu	Fatwa	Rujukan
1.	Penggunaan wang masjid/surau sebagai modal pelaburan untuk menjanakan pendapatan	Harus menggunakan dana masjid/surau sebagai modal pelaburan dan perniagaan bagi tujuan menjana pendapatan tetapi hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat sepertimana berikut: a) Pihak Jawatankuasa masjid/surau berkenaan dapat memberi jaminan bertulis wang masjid/surau yang dilaburkan atau diperniagakan hendaklah dikembalikan semula kepada akaun masjid/surau berkenaan untuk dibelanjakan kepada kemaslahatan masjid/surau setelah ditolak kos pengurusan yang munasabah; b) Ada jaminan bertulis bahawa pihak Jawatankuasa masjid/surau berkenaan bersedia untuk membayar balik kesemua jumlah wang masjid/surau yang dilaburkan atau diperniagakan itu kepada akaun masjid/surau jika berlaku kerugian dalam pelaburan atau perniagaan; c) Ada jaminan bertulis bahawa wang masjid/surau yang dijadikan modal pelaburan itu boleh dicairkan pada bila-bila masa apabila ada keperluan mendesak; d) Pelaburan atau perniagaan tersebut hendaklah dilakukan dengan teratur dan ianya mestilah berlandaskan syariat; e) Hendaklah dibuat kajian terperinci berkenaan dengan satu-satu	Fatwa Kerajaan Negeri Melaka

		pelaburan atau perniagaan yang hendak diusahakan menggunakan wang masjid/surau dan perlu dipastikan ianya terjamin selamat; f) Pelaburan atau perniagaan tersebut hendaklah dikendalikan oleh satu badan ataupun jawatankuasa khas yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam bidang pelaburan dan bersifat amanah; dan g) Hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis atau kelulusan daripada pihak berkuasa agama negeri Melaka terlebih dahulu.	
2.	Berjual Beli Di Dalam Masjid	Haram berjual beli di dalam masjid sebagaimana hadis “Apabila kamu melihat sesiapa menjual atau membeli di dalam masjid, katakanlah kepadanya: Allah tidak akan memberi keuntungan kepada perniagaan engkau”.	Fatwa Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang
3.	Membina Masjid Baru di atas Tapak Masjid Lama Dua Tingkat: Tingkat Pertama Lot Perniagaan dan Tingkat Kedua Masjid	Tidak diharuskan kerana kedua-dua tingkat dianggap masjid dan tidak boleh dijalankan jual beli di masjid.	Fatwa Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang

5.4 Analisa Fatwa

Secara amnya, pihak penyelidik mendapati bahawa rujukan-rujukan fatwa bagi Johor, Pulau Pinang dan Brunei lebih banyak membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan ekonomi dan kewangan masjid berbanding rujukan-rujukan fatwa bagi negeri Kedah dan Melaka.

Berdasarkan penelitian bagi fatwa-fatwa berkaitan masjid amnya dan pengurusan ekonomi dan kewangan masjid khasnya, penyelidik mendapati bahawa:

- Fatwa-fatwa berkaitan pengurusan kewangan dan ekonomi masjid dibuat berdasarkan isu atau masalah yang dikemukakan dan tidak berbentuk garispanduan atau fungsi. Oleh itu, skop fatwa adalah terbatas dan tidak komprehensif. Namun begitu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka adalah satu-satunya jawatankuasa fatwa negeri yang telah mengeluarkan fatwa berkenaan penggunaan wang masjid dan surau dalam bentuk garis panduan pada tahun 2011.
- Pengkategorian fatwa di dalam sebahagian buku-buku fatwa tidak mempunyai satu format atau susunan yang seragam. Pengkategorian fatwa yang tidak seragam ini juga menyebabkan fatwa-fatwa tersebut bertebaran dan tidak dikumpulkan setempat. Ini menyukarkan pihak berkepentingan untuk merujuk kepada fatwa yang diperlukan.
- Fatwa-fatwa berkaitan institusi masjid tidak dikategorikan dengan lebih terperinci.
- Sebahagian fatwa juga berulang dan bertindih. Pengulangan masalah yang sama sepatutnya menunjukkan kekerapan dan keseriusan masalah yang dihadapi.
- Kekurangan definisi yang dapat membantu pentafsiran fatwa-fatwa yang diberikan. Sebagai contoh, definisi “masjid” yang dilarang berjual-beli dan sebagainya: Adakah ia meliputi kawasan

ruang solat sahaja, atau termasuk kaki lima masjid atau termasuk ruang letak kereta dan semua kawasan di dalam pagar masjid?

- Terdapat sedikit perbezaan pendapat di antara majlis fatwa negeri-negeri terbabit, contohnya penerimaan dan penggunaan wang *interest*. Pihak pengurusan masjid sepatutnya peka terhadap keputusan majlis fatwa negeri dan wilayah masing-masing. Namun begitu, perbezaan itu bukanlah satu perkara yang berat.

Model pengurusan ekonomi dan kewangan masjid mampu memberi panduan asas kepada pihak pengurusan masjid di dalam merancang, mentadbir dan mengawal selia pendapatan dan perbelanjaan masjid. Perolehan dana berbentuk umum dapat memberi ruang yang luas kepada pihak pengurusan masjid di dalam merangka aktiviti mereka. Namun begitu, dana khusus perlu dibentuk bagi tujuan tertentu bagi memastikan kejayaan kutipan dana bagi tujuan tersebut. Dari segi perbelanjaan pula, peranan masjid di dalam sektor *ijtima'i* patut diutamakan berbanding perbelanjaan *idari* dan *tijari*. Ini adalah kerana masjid bukanlah sebuah entiti perniagaan yang bermotifkan keuntungan. Namun begitu, dalam dunia hari ini, pihak masjid mungkin terpaksa melibatkan diri di dalam aktiviti *tijari* bagi menjamin kelangsungan aktiviti *ijtima'*nya.

Ketiadaan garis panduan berasaskan fatwa bagi pengurusan ekonomi dan kewangan masjid mungkin boleh menghalang kecekapan pengurusan ekonomi dan kewangan sesebuah masjid. Oleh itu, pihak Majlis Agama Islam Negeri/Wilayah dan Jabatan Mufti Negeri/Wilayah dicadangkan agar menyediakan satu garis panduan khusus yang terperinci berasaskan fatwa (*fatwa-based guidelines*) berkenaan hukum Shariah berkaitan pendapatan dan perbelanjaan masjid. Ini bagi memastikan agar pentadbiran masjid dapat berjalan lebih lancar dan tidak dihambat dengan persoalan-persoalan hukum yang rumit dan mengelirukan. Penulisan dan kajian di masa akan datang sepatutnya menjurus ke arah membantu pihak berkuasa negeri/wilayah di dalam menyediakan garis panduan ini. Di antara isu-isu yang boleh dikaji di masa akan datang adalah seperti kaedah pelupusan harta atau aset masjid, gantirugi kerosakan atau kerugian

dalam aktiviti pelaburan, bentuk-bentuk aktiviti *tijari* yang berpotensi tinggi serta peranan masjid dalam sistem ekonomi Islam.

5.5 Fatwa Negeri Melaka Berkaitan Dana Masjid dan Surau

Sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam analisis fatwa sebelum ini, Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka adalah satu-satunya jawatankuasa fatwa negeri yang telah mengeluarkan fatwa berkenaan penggunaan wang masjid dan surau dalam bentuk garis panduan. Fatwa tersebut telah dikeluarkan pada tahun 2011. Fatwa ini adalah merupakan rentetan daripada cadangan dan perbincangan pihak penulis bersama bahagian pengurusan masjid di Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) agar fatwa seumpama ini diusahakan bagi memudahkan pengurusan kewangan masjid dilakukan. Di sini, pihak penulis menukilkan fatwa tersebut bagi rujukan pembaca dan pihak yang berkenaan.

Garis Panduan Penggunaan Wang Masjid dan Surau

Tarikh Keputusan: 5 Mei 2011

Keputusan:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka bil. 3/2011 yang bersidang pada 4 Sya'aban 1432H bersamaan 5 Julai 2011 sebulat suara bersetuju dengan Garis Panduan Penggunaan Wang Masjid dan Surau seperti berikut :

1. Takrif Wang Masjid/Surau

Wang masjid/surau dalam garis panduan ini merujuk kepada dana masjid/surau yang terkumpul hasil dari pelbagai sumber seperti derma individu atau organisasi kedalam akaun bank atas nama masjid/surau, atau derma yang dimasukkan ke dalam tabung yang disediakan di masjid/surau, tabung jumaat, wakaf tunai, pungutan derma sempena hari raya, tabung bergerak, sumbangan kerajaan, hasil sewaan dan sebagainya yang dimasukkan kedalam akaun masjid/surau.

2. Sumber Wang Masjid/Surau

Secara umumnya, pendapatan wang masjid/surau yang terkumpul diperolehi

daripada sumber-sumber seperti berikut:

i) Wakaf tunai iaitu wakaf orang ramai dalam bentuk cek atau wang tunai yang dimasukkan ke dalam akaun bank atau tabung wakaf masjid/surau atau diserahkan kepada pihak masjid/surau yang diamanahkan atau pembelian tapak masjid/surau dalam bentuk kaki persegi oleh pewakaf. Dana wakaf tunai yang dikumpul kemudiannya ditukar kepada harta kekal yang akan dimanfaatkan untuk kebajikan dan kepentingan masjid/surau berkenaan seperti pembelian tapak masjid/surau, pembinaan, penyelenggaraan, membaikpulih, pembesaran dan sebagainya yang bersangkutan dengan keperluan masjid/surau secara langsung.

ii) Derma khairat atau kebajikan iaitu derma orang ramai dalam bentuk cek atau tunai ke dalam akaun bank masjid/surau atau tabung yang disediakan oleh pihak masjid/surau di mana kegunaannya adalah umum meliputi pelbagai aktiviti pengimaran masjid/surau seperti mengadakan jamuan majlis khatam Al-Qur'an, majlis meraikan jemaah kariah pergi dan balik haji, bayaran penceramah, guru agama, pengurusan dan pentadbiran masjid/surau dan sebagainya.

iii) Derma aktiviti khusus iaitu derma orang ramai dalam bentuk cek atau tunai ke dalam akaun bank atau tabung masjid/surau yang diwujudkan secara khusus untuk membiayai aktiviti tertentu dan dimaklumkan kepada orang ramai mengenainya seperti pungutan derma untuk majlis sambutan isra' mi'raj, sambutan Maulidurrasul, Ihya' Ramadhan dan sebagainya di mana wang yang terkumpul hendaklah dibelanjakan kepada aktiviti yang ditentukan itu sahaja.

iv) Sumbangan kerajaan iaitu sumbangan kewangan oleh pihak kerajaan yang dimasukkan ke dalam akaun masjid/surau tertentu.

v) Sumber-sumber lain iaitu wang masjid/surau yang terkumpul hasil daripada

aktiviti jualan, kutipan sewa, keuntungan pelaburan dan sebagainya yang diusahakan oleh pihak masjid/surau.

3) Penggunaan Wang Masjid/Surau

i. Penggunaan wang wakaf tunai yang dipungut khusus untuk pembangunan masjid.

Wakaf tunai yang dipungut khusus untuk pembangunan masjid wajiblah dibelanjakan pada pembangunan fizikal masjid yang berkenaan seperti pembelian tapak masjid, membina, membaikpulih, mengubahsuai, membesarkan, membeli peralatan, perkakasan, infrastruktur dan kemudahan fizikal yang bersangkutan dengan kepentingan masjid berkenaan sama ada pada masa sekarang atau pada masa yang akan datang.

ii. Penggunaan wang atau aset yang diwakafkan untuk masjid/surau tertentu.

Wang atau aset yang diwakafkan untuk masjid/surau yang tertentu, maka wajiblah dibelanjakan atau digunakan untuk manfaat dan maslahat masjid/surau yang ditentukan itu tidaklah boleh dibelanjakan, dipindahkan atau digunakan kepada masjid/surau lain sebagai menghormati niat pewakaf berkenaan.

iii. Penggunaan wang derma khairat orang ramai untuk kemaslahatan jemaah masjid/surau.

Wang yang didermakan oleh orang ramai sebagai khairat/kebajikan kepada sesebuah masjid/surau bolehlah dibelanjakan untuk aktiviti-aktiviti yang mendatangkan kemaslahatan ahli jemaah masjid/surau berkenaan contohnya seperti bayaran saguhati pensyarah dan guru yang mengajar di masjid/surau itu, mengadakan jamuan, majlis berbuka puasa untuk ahli jemaah masjid, surau dan

sebagainya.

iv. Penggunaan wang derma yang dipungut khusus bagi menjalankan aktiviti/majlis tertentu.

Wang yang didermakan oleh orang ramai bagi menjalankan aktiviti tertentu seperti Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil, Majlis Doa Selamat Pergi/Balik Haji, Majlis Sambutan Hari Kebesaran Islam dan sebagainya wajiblah dibelanjakan kepada aktiviti yang dikhususkan itu sahaja.

v. Pengurusan baki atau lebihan wang derma masjid/surau yang dipungut khas bagi menjalankan aktiviti/majlis tertentu.

Baki atau lebihan wang daripada pungutan derma khas yang dibuat bagi menjalankan aktiviti/majlis tertentu bolehlah disimpan dan dianjakkan derma tersebut kepada majlis yang serupa di masa akan datang. Jika hendak dibelanjakan baki atau lebihan derma tersebut kepada aktiviti/majlis yang lain, wajiblah dihebahkan kepada orang-orang yang berderma untuk mendapatkan persetujuan dan keizinan terlebih dahulu.

vi. Penggunaan wang derma masjid/surau yang diperolehi atau dipungut daripada penderma yang tidak diketahui niat atau tujuannya dengan jelas.

Jika tidak diketahui niat dan tujuan orang yang berderma itu dengan jelas, maka hendaklah dilihat dari segi adat kebiasaan ('uruf') sesebuah masjid/surau dalam membelanjakan wang derma itu.

vii. Penggunaan wang masjid/surau sebagai modal pelaburan untuk menjanakan pendapatan

Harus menggunakan dana masjid/surau sebagai modal pelaburan dan perniagaan bagi tujuan menjana pendapatan tetapi hendaklah tertakluk kepada syarat-

syarat sepertimana berikut:

- a) Pihak Jawatankuasa masjid/surau berkenaan dapat memberi jaminan bertulis wang masjid/surau yang dilaburkan atau diperniagakan hendaklah dikembalikan semula kepada akaun masjid/surau berkenaan untuk dibelanjakan kepada kemaslahatan masjid/surau setelah ditolak kos pengurusan yang munasabah;
- b) Ada jaminan bertulis bahawa pihak Jawatankuasa masjid/surau berkenaan bersedia untuk membayar balik kesemua jumlah wang masjid/surau yang dilaburkan atau diperniagakan itu kepada akaun masjid/surau jika berlaku kerugian dalam pelaburan atau perniagaan;
- c) Ada jaminan bertulis bahawa wang masjid/surau yang dijadikan modal pelaburan itu boleh dicairkan pada bila-bila masa apabila ada keperluan mendesak;
- d) Pelaburan atau perniagaan tersebut hendaklah dilakukan dengan teratur dan ianya mestilah berlandaskan syariat;
- e) Hendaklah dibuat kajian terperinci berkenaan dengan satu-satu pelaburan atau perniagaan yang hendak diusahakan menggunakan wang masjid/surau dan perlu dipastikan ianya terjamin selamat;
- f) Pelaburan atau perniagaan tersebut hendaklah dikendalikan oleh satu badan ataupun jawatankuasa khas yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam bidang pelaburan dan bersifat amanah; dan
- g) Hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis atau kelulusan daripada pihak berkuasa agama negeri Melaka terlebih dahulu.

Status Penwartaan:

Tidak Diwartakan

Nombor Rujukan:

JMM/BFB(S)/351/437/08

Negeri/Group: [Melaka](#)

MODEL IMARAH MASJID TM

6.1 Pengenalan kepada Model Imarah Masjid TM


Model Imarah MasjidTM ¹ adalah nama bagi satu Sistem Perakaunan Masjid yang dibangunkan secara bersama oleh para penulis buku ini berkaitan dengan pengurusan dan ekonomi masjid. Model Imarah MasjidTM mencadangkan sistem perakaunan masjid berdasarkan sumber dan penggunaan dana masjid yang terdiri daripada sumber umum dan khusus serta penggunaan dana bagi tujuan *ijtima'i*, *idari* dan *tijari*.

Keseluruhan Sistem Perakaunan Masjid merangkumi:

1. Penyata Pendapatan, Perbelanjaan dan Dana Bersih
2. Penyata Kedudukan Kewangan (Kunci Kira-Kira)
3. Penyata Aliran Tunai

Modul 1 Model Imarah MasjidTM memfokuskan kepada penyediaan Penyata Pendapatan, Perbelanjaan dan Dana Bersih Masjid. Kerangka penyata pendapatan seperti yang telah dihasilkan daripada penyelidikan tersebut adalah seperti berikut:

¹ Model Imarah Masjid TM adalah merupakan Hak Cipta Terpelihara (2012) yang dibangunkan dan dimiliki oleh pihak penulis buku ini. Sebarang penggunaan, pembangunan atau penerbitan Model Imarah Masjid TM dalam apa jua bentuk melalui apa jua cara perlulah terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis daripada pihak penulis.



Keterangan bagi kerangka di atas adalah seperti berikut:

1 Dana Umum	Dana yang boleh dibelanjakan secara umum tanpa tujuan khusus.
2 Dana Khusus	Dana yang mempunyai tujuan tertentu dan khusus
3 Idari (Pentadbiran)	Perbelanjaan yang berkaitan dengan pentadbiran masjid
4 Ijtima ^c i (Kemasyarakatan)	Perbelanjaan yang berkaitan dengan segala aktiviti masjid yang tidak bermotifkan keuntungan
5 Tijari (Perniagaan)	Perbelanjaan yang berkaitan dengan segala aktiviti masjid yang bermotifkan keuntungan

6.1.1 Contoh Jenis-Jenis Pendapatan

Berikut adalah senarai contoh jenis-jenis pendapatan mengikut kategori dana.

Kategori Dana	Contoh pendapatan
Dana Umum	- Kutipan sumbangan hari Jumaat - Sumbangan derma orang ramai - Sumbangan derma daripada syarikat swasta

		• Peruntukan bulanan daripada Majlis Agama (tidak dikhususkan) • Wakaf umum • Untung (dividen) atas pelaburan dalam instrumen perbankan Islam
Dana (Khairat Kematian)	Khusus*	• Yuran Khairat Kematian daripada ahli qariah • Derma yang dikhususkan untuk tabung khairat
Dana (Pembinaan Masjid)	Khusus*	• Kutipan derma (tabung pembinaan masjid) • Wakaf sumbangan pembinaan masjid
Dana (Projek Perniagaan)	Khusus*	• Sumbangan derma tabung projek • Hasil jualan

* Dana khusus adalah bergantung kepada setiap masjid. Ia diwujudkan berdasarkan keperluan masjid-masjid tertentu.

6.1.2 Contoh Jenis-Jenis Pendapatan

Berikut adalah senarai contoh perbelanjaan mengikut kategori:

Kategori Perbelanjaan	Contoh perbelanjaan
Idari (Pentadbiran)	• Bil elektrik • Bil air • Upah cuci dan bersihkan masjid • Upah mengecat

	• Upah penyelenggaraan masjid • Kad keahlian khairat kematian • Belian barang-barang pembinaan • Upah arkitek • Upah kontraktor
Ijtima ^c (Kemasyarakatan)	• Belanja kursus pengurusan jenazah • Belanja ceramah mingguan • Belanja ceramah bulanan • Belanja jamuan berbuka puasa dan moreh • Belanja aktiviti hari kebesaran Islam
Tijari (Perniagaan)	• Belanja pendaftaran perniagaan • Pembelian peralatan projek • Promosi projek

6.1.3 Contoh Penyata Pendapatan Masjid (Yang Biasa Diamalkan)

Rata-rata masjid menggunakan penyata pendapatan dan perbelanjaan yang ringkas tanpa menunjukkan dengan jelas dari sumber dana yang mana setiap perbelanjaan tersebut dibuat. Berdasarkan kajian penulis, format penyata pendapatan yang biasa digunakan dalam laporan kewangan masjid tidak menunjukkan pemisahan yang jelas di antara sumber dana dan perbelanjaan setiap dana tersebut. Ini dapat dilihat di dalam contoh yang disediakan di muka surat sebelah. Format penyata pendapatan seumpama contoh yang diberikan boleh minimbulkan risiko dari sudut Syariah kerana dana khusus hanya boleh digunakan untuk tujuannya yang khusus. Tanpa pemisahan yang jelas dalam rekod kewangan, risiko bagi sesuatu dana khusus digunakan untuk tujuan yang lain adalah besar.

MASJID KAMPUNG MEWAH Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan 31 Mei 2012			
Pendapatan		Perbelanjaan	
Derma kutipan Jumaat	3,567	Upah mengecat	350
Derma peribadi	1,000	Sumbangan pada penceramah	300
Yuran Khairat	4,100	Upah cuci masjid	240
Sumbangan ahli qariah	8,320	Bil elektrik	1,200
Sumbangan Syarikat XYZ	10,000	Bil air	840
Sumbangan Syarikat ABC	8,000	Belanja kursus pengurusan jenazah	500
Sewa Dewan	1,000	Kad ahli khairat kematian	410
		Belian barang2 pembinaan	4,500
		UbahSuai Masjid	
		Upah arkitek ubahsuai masjid	3,000
		Upah kontraktor ubahsuai masjid	6,000
		Promosi ubahsuai masjid	600
		Pembelian peralatan	2,310
		<i>Jumlah perbelanjaan</i>	<u>20,250</u>
		<i>Lebihan pendapatan</i>	<u>15,737</u>
	<u>35,987</u>		<u>35,987</u>

6.2 Penyata Pendapatan, Perbelanjaan Dan Dana Bersih

Berdasarkan kerangka Modul 1 Model Imarah MasjidTM yang baru ini, modul ini terbahagi kepada 2 bahagian:

- a) Penyata ringkas bulanan/tahunan.
- b) Buku Rekod Harian urusan bulanan/tahunan mengikut jenis-jenis dana.

Bentuk penyata seperti di bawah akan membolehkan setiap pendapatan dilaporkan mengikut kategori dana yang tertentu. Di samping itu, perbelanjaan juga akan dilaporkan mengikut 3 kategori iaitu Idari (Pentadbiran), Ijtima'i (Kemasyarakatan) dan Tijari (Perniagaan). Penyata ini juga akan memberi gambaran yang lebih jelas tentang sumber dana bagi setiap perbelanjaan yang dibuat.

6.2.1 Penyata Ringkas Bulanan/Tahunan

Nama masjid	:	MASJID KAMPUNG MEWAH			
Nama penyata	:	PENYATA PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN DANA BERSIH			
Bagi bulan / tahun berakhir	:	30 ZULQAEDAH 1415			
	DANA UMUM	DANA KHUSUS A	DANA KHUSUS B	JUMLAH	
A PENDAPATAN					
Sumbangan					
JUMLAH	-	-	-	-	
B PERBELANJAAN					
i. Idari (Pentadbiran)					
ii. Ijtima'ie (Kemasyarakatan)					
iii. Tijari (Perniagaan)					
JUMLAH					
PERUBAHAN BERSIH DANA					
BAKI AWAL DANA					
BAKI AKHIR DANA					

[Rujuk Lampiran A untuk Modul Yang Lengkap]

Petunjuk:

- a) **Perubahan Bersih Dana** = Jumlah pendapatan – Jumlah Perbelanjaan
- b) **Baki Awal Dana** = Baki yang dibawa daripada bulan/tahun yang lepas
- c) **Baki Akhir Dana** = Perubahan Bersih Dana + Baki Awal Dana

6.2.2 Buku Rekod Kewangan Harian (Bulanan/Tahunan)

Buku rekod kewangan harian akan digunakan secara harian sekiranya masjid mempunyai aktiviti kewangan yang banyak. Rekod juga boleh dibuat secara mingguan atau bulanan bergantung kepada masjid masing-masing.

[Rujuk Lampiran B untuk Modul Yang Lengkap]

BUKU REKOD KEWANGAN HARIAN
DANA : _____
BULAN : _____

Tarikh	Butiran	Masuk (Dt)	Keluar (Kt)	Baki	Kategori Perbelanjaan		
					IDARI (Pentadbiran)	UTIMAYE (Kemasyarakatan)	TIJARI (Perniagaan)
JUMLAH		-	-				
				JUMLAH	-	-	-


E


A


B


C


D

Jumlah buku rekod kewangan harian ini yang perlu disediakan adalah bergantung kepada jumlah kategori dana yang diwujudkan oleh pihak masjid. Sekiranya masjid tidak mempunyai dana-dana khusus, maka hanya ada satu sahaja buku rekod kewangan yang perlu disediakan iaitu untuk DANA UMUM. Masjid boleh memulakan buku rekod dengan kategori dana seperti berikut (cadangan jika sesuai):

- a) Buku Rekod Kewangan Harian untuk DANA UMUM
- b) Buku Rekod Kewangan Harian untuk DANA KHUSUS – KHAIRAT KEMATIAN

c) Buku Rekod Kewangan Harian untuk DANA KHUSUS – PEMBINAAN MASJID

d) Buku Rekod Kewangan Harian untuk DANA KHUSUS – PERNIAGAAN

Lajur (column) yang berwarna hijau adalah amat penting dan ini yang membezakan dengan kaedah perekodan yang sedia ada. Untuk setiap satu transaksi, pihak bendahari perlu mengenalpasti kategori perbelanjaan sama ada ia belanja pentadbiran, urusan kemasyarakatan atau yang berkaitan dengan perniagaan.

Jumlah perbelanjaan dalam petak hijau (B) mestilah sama dengan jumlah wang keluar seperti dalam petak oren (A).

Jumlah dalam (E) , (B) , (C) dan (D) akan dipindahkan ke dalam Penyata Ringkas Bulanan/Tahunan. (Sila rujuk Penyata Ringkas Bulanan/Tahunan untuk melihat kedudukan amaun-amaun tersebut).

Perkara yang sama akan dibuat untuk semua buku rekod kewangan harian. Jumlah amaun di hujung bulan akan dipindahkan mengikut lajur (column) yang bersesuaian dengan dana yang dimaksudkan.

KAJIAN LAPANGAN

7.1 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan dapatan hasil kajian yang telah dilakukan oleh para penulis terhadap masjid- masjid di kawasan Hulu Langat, Selangor pada tahun 2009.

7.2 Data

Data untuk kajian ini diperolehi daripada temuduga dengan pegawai-pegawai masjid yang termasuk di dalam sampel kajian. Bagi memastikan maklumat yang diterima dari setiap masjid adalah seragam dan mengikut keperluan kajian, maklumat tersebut dicatatkan dalam borang soal selidik yang telah dibentuk. Jumlah masjid di kawasan Hulu Langat mengikut maklumat yang diterima dari Pejabat Agama Islam daerah ialah sebanyak 45 buah masjid. Masjid-masjid di kawasan ini boleh dikategorikan kepada masjid luar bandar, masjid bandar dan masjid institusi. Sebanyak 27 peratus dari keseluruhan masjid di daerah Hulu Langat telah dijadikan sampel kajian. Sampel yang dipilih terdiri daripada ketiga-tiga kategori masjid yang telah dinyatakan.

7.3 Statistik Umum Responden

Data-data yang diperolehi daripada sampel dipersembahkan dalam bentuk jadual kerana lebih mudah untuk menerangkan maklumat pegawai masjid yang telah ditemuduga. Analisis diskriptif digunakan untuk menerangkan maklumat sampel yang digunakan. Jadual 7 menerangkan secara ringkas hasil analisis diskriptif kajian ini.

Jadual 7: Statistik Umum Responden

	Purata	Minima	Median	Maksima
Umur	48 tahun	35 tahun	50 tahun	67 tahun
Pengalaman	3 tahun	6 bulan	1 tahun	18 tahun
Pendidikan	Menengah Atas	Menengah Rendah	Pengajian Tinggi	Pengajian Tinggi

Jadual 7 menunjukkan statistik pegawai masjid mengikut nilai purata, minima, median dan maksima bagi pembolehubah umur, pengalaman dan taraf pendidikan cerapan. Umur purata pegawai masjid yang telah ditemuduga ialah 48 tahun dengan umur terendah pegawai masjid adalah 35 tahun dan yang paling berusia ialah 67 tahun. Manakala pembolehubah pengalaman pula diukur melalui tempoh masa memegang jawatan sebagai pegawai masjid. Serakan pembolehubah pengalaman bagi sampel ini adalah besar iaitu minima 6 bulan dan maksima 18 tahun. Maka maklumat yang paling sesuai untuk menerangkan status pengalaman ialah melalui purata dan median iaitu antara 1 hingga 3 tahun. Taraf pendidikan pula dibahagikan kepada 3 kategori utama iaitu menengah rendah (SRP dan ke bawah), menengah atas (SPM) dan pengajian tinggi (diploma dan ke atas). Kategori ini mengikut definisi yang diguna oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Didapati dari Jadual 7 taraf pendidikan pegawai masjid yang telah ditemuduga adalah antara menengah atas hingga pengajian tinggi.

7.4 Penemuan: (Penyediaan Laporan Kewangan)

Jadual 8: Penyediaan Laporan Kewangan

	Ya	Tidak	
Garis Panduan	92%	0.08%	
Penyediaan Rekod	100%		
Kekerapan	Setiap minggu	Sebulan sekali	Setahun sekali

	10%	80%	10%
Jenis rekod kewangan	Penyata pendapatan dan perbelanjaan	Lembaran Imbangan atau kunci kira-kira	Penyata aliran tunai
	100%	60%	60%

Hampir semua pegawai masjid menyatakan pihak pengurusan masjid masing-masing mempunyai garis panduan untuk menyediakan rekod kewangan. Hanya 0.08 peratus sahaja yang tidak mempunyai garis panduan ini. Walau bagaimanapun, kesemua masjid menyediakan laporan kewangan dengan kekerapan terbesar ialah sebulan sekali (80 peratus) termasuk masjid yang tidak mempunyai garis panduan. Hanya 10 peratus sahaja yang menyediakan laporan pada kekerapan seminggu sekali dan setahun sekali. Bentuk- bentuk rekod kewangan terbahagi kepada tiga jenis iaitu penyata pendapatan dan perbelanjaan, lembaran imbangan atau kunci kira-kira dan penyata aliran tunai. Penting dinyatakan bahawa, ada masjid menyediakan ketiga-tiga jenis rekod kewangan dan ada yang hanya menyediakan satu jenis rekod sahaja. Dari Jadual 8, didapati kesemua masjid (100 peratus) menyediakan sekurang-kurangnya penyata pendapatan dan perbelanjaan. Manakala 60 peratus lagi turut menyediakan penyata kunci kira-kira dan penyata aliran tunai.

Tugas penyediaan laporan kewangan masjid dilakukan oleh bendahari masjid dan dilaporkan kepada tiga pihak iaitu jawatankuasa masjid, ahli qariah dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). 42 peratus daripada sampel menyatakan laporan dibuat kepada ahli kariah, 67 peratus melaporkan kepada MAIN dan kesemua bendahari masjid (100 peratus) sekurang-kurangnya melaporkan rekod kewangan kepada jawatankuasa masjid. 90 peratus daripada laporan kewangan ini diaudit secara dalaman dan selebihnya tidak diaudit langsung. Kajian ini juga mendapati serahan tugas kepada bendahari yang baru dilantik tidak berlaku. Jika diperhatikan dalam Jadual 8, tempoh pengalaman responden yang ditemuduga adalah

antara 1 hingga 3 tahun. Justeru itu, kajian ini menghadapi kesukaran untuk mendapat data siri masa pendapatan dan perbelanjaan masjid.

Jadual 9: Masalah Pengurusan Kewangan

Kategori Masalah	Peratusan
Berkaitan perbelajaan	33 peratus
Berkaitan pelaburan	11 peratus
Pengurusan aset	20 peratus
Berkaitan pendapatan	45 peratus
Penyediaan rekod kewangan	10 peratus

Selain daripada maklumat penyediaan rekod, kajian ini juga mendapatkan maklum balas dari pegawai masjid terlibat berkenaan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka di dalam menguruskan ekonomi dan kewangan masjid. Ringkasan maklum balas pegawai masjid adalah seperti dalam Jadual 9. Dari Jadual 9, 45 peratus pegawai masjid menghadapi masalah untuk menguruskan hal ehwal berkaitan pendapatan masjid. Manakala 33 peratus lagi menghadapi masalah berhubung dengan aspek perbelanjaan kewangan masjid. Masalah ini timbul kerana ada di antara pegawai masjid tidak pasti berkenaan perbelanjaan yang dibolehkan oleh syarak ke atas pendapatan masjid. Keadaan ini menjadikan harta yang dimiliki oleh masjid adalah statik dan tidak produktif dari sudut ekonomi. Kegiatan penjanaan pendapatan masjid masih tertumpu kepada sumbangan ikhlas ahli kariah dan melalui simpanan di bank sahaja.

7.5 Penemuan: Aspek Pendapatan

Kajian ini membahagikan pendapatan masjid kepada tiga kategori iaitu dana umum, dana khusus dan pulangan daripada aktiviti tijari. Dana umum pula terbahagi kepada tiga iaitu derma, hibah dan wakaf. Manakala dana khusus terdiri daripada khairat kematian dan dana atas tujuan tujuan khusus. Akhir sekali,

pulangan aktiviti tijari ialah hasil wakaf, yuran aktiviti dan sewaan seperti sewa dewan dan sewa alatan. Maklumat pendapatan masjid diringkaskan dalam Jadual 10.

Jadual 10: Maklumat Pendapatan Masjid, Daerah Hulu Langat

	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)
Dana Umum	173,461	377,152	580,865
Dana Khusus			
Dana untuk tujuan khusus			5,000
Khairat kematian	29,729	45,859	68,866
Pulangan Aktiviti Tijari			
Hasil wakaf	37,840	36,840	37,400
Sewaan	6,640	4,150	9,990
Pulangan pelaburan		200,000	505,090
Jumlah	247,670	464,001	1,207,211

Dari Jadual 10, pendapatan utama masjid di bawah kategori dana umum datangnye daripada derma yang mencakupi derma mingguan hari jumaat dan juga derma-derma peribadi yang lain. Berlaku peningkatan yang ketara dalam sumbangan derma dari tahun ke tahun iaitu RM173,461, RM377,152 dan RM 580,865 masing-masing bagi tahun 2006, 2007 dan 2008. Apa yang lebih menarik untuk dibincangkan ialah pulangan daripada aktiviti tijari. Pada tahun 2006 jumlah pendapatan yang dijana melalui pulangan aktiviti tijari ialah RM44,480. Jumlah ini meningkat kepada RM240,990 (2007) dan RM552,480 (2008). Walau bagaimanapun, kajian ini juga mendapati tidak sampai 5 peratus masjid yang terlibat dengan aktiviti tijari. Jika dengan peratusan yang kecil dapat menyumbang kepada hasil yang besar, sudah pasti angka ini akan berlipat kali ganda jika semua masjid terlibat dengan aktiviti tijari. Jelas di sini bahawa, pendedahan dan dorongan untuk menggalakkan aktiviti tijari perlu dilakukan

agar pendapatan masjid dapat ditingkatkan dan seterusnya menjadi pemangkin kepada kesejahteraan masyarakat setempat dan juga negara.


7.6 Penemuan: Aspek Perbelanjaan

Bagi aspek perbelanjaan pula, kajian ini membahagikan kepada tiga kategori iaitu perbelanjaan idari, ijtima^ci dan tijari. Perbelanjaan idari terdiri daripada bayaran bil utiliti dan penyelenggaraan masjid. Manakala perbelanjaan ijtima^ci melibatkan bayaran kelas pengajian dan perbelanjaan tijari pula merangkumi modal untuk membeli barang-barang kursus. Maklumat berkenaan aspek perbelanjaan masjid diringkaskan dalam Jadual 11 dan juga Carta 1, Carta 2 dan Carta 3.


Jadual 11: Maklumat Perbelanjaan Masjid, Daerah Hulu Langat

	2006	2007	2008
	(RM)	(RM)	(RM)
Idari	52,375	82,784	336,340
Ijtima'i	95,484	102,017	25,1371
Tijari	9,338	7,357	12,127


Carta 1: Peratusan Perbelanjaan Masjid 2006



Carta 2: Peratusan Perbelanjaan Masjid 2007



Carta 3: Peratusan Perbelanjaan Masjid 2008



Jelas dari Jadual 11 dan carta menunjukkan bahawa perbelanjaan masjid lebih terarah kepada perbelanjaan ijtima'i dan juga idari. Peratusan perbelanjaan idari atau perbelanjaan mengurus bagi tahun 2006 dan 2007 melebihi 30 peratus dan terus meningkat kepada 56 peratus pada tahun 2008. Manakala perbelanjaan ijtima'i bagi tahun 2006 ialah 61 peratus dan dilihat peratusan ini semakin berkurangan kepada 53 peratus pada tahun 2007 dan 42 peratus pada tahun 2008.

7.7 Penemuan: Pemilikan Aset Masjid

Pemilikan aset oleh pihak masjid terbahagi kepada dua iaitu aset semasa dan aset tetap. Maklumat aset semasa di dalam borang soal selidik diwakili oleh kecairan tunai, manakala aset tetap pula adalah seperti dewan, rumah sewa, kedai, sekolah dan tanah wakaf. Jadual 12 merupakan ringkasan maklumat aset masjid yang telah diperolehi.

Jadual 12: Maklumat Aset Masjid, Daerah Hulu Langat

Tahun \ Aset	2006 (RM)	2007 (RM)	2008 (RM)
Aset Semasa Tunai	1,070,405	1,103,456	1,133,081
Aset Tetap Tanah wakaf	10 ekar	10 ekar	10 ekar

Dari pelbagai bentuk aset yang dicadangkan, hanya dua kategori sahaja yang dimiliki oleh masjid iaitu aset tunai dan juga tanah wakaf. Dari Jadual 12 membuktikan bahawa masjid-masjid di Daerah Hulu Langat ini mempunyai nilai aset yang besar. Jika aset-aset ini digunakan dengan sebaik mungkin terutamanya dalam sektor yang produktif, sudah pasti pulangan yang besar dapat dilakukan. Satu garis panduan berkenaan pelaburan dan aktiviti penjanaan pendapatan masjid perlu disediakan agar peranan masjid dapat dipelbagaikan sesuai dengan keperluan zaman. Garis panduan ini mesti mencakupi dari segi hukum, prosedur dan pemantauan.

[Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong]

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Sebagai sebuah institusi yang utama di dalam agama Islam, masjid telah memainkan peranan yang penting di dalam masyarakat Islam semenjak dari zaman Rasulullah ﷺ sehinggalah masa kini. Selain menjadi tempat umat Islam berkumpul untuk menunaikan solat secara berjemaah, masjid juga mempunyai pelbagai peranan lain yang lebih luas seperti sebagai pusat dakwah, tempat orang-orang Islam mempelajari ilmu-ilmu agama, pusat ekonomi dan pusat aktiviti masyarakat setempat. Melihat kepada perkembangan ini, adalah amat perlu aspek pengurusan masjid yang tersusun dan sistematik diberi perhatian yang sewajarnya terutama yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan ekonomi. Ini bagi menjamin kelangsungan aktiviti-aktiviti masjid yang memberi manfaat kepada ahli kariah yang amat bergantung kepada pengendalian sumber pendapatan yang diperolehi dan juga penyaluran dana masjid secara efektif.

Bagi mewujudkan satu bentuk pengurusan ekonomi dan kewangan masjid yang efisien dan sistematik, kerjasama pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran dan pengurusan masjid seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) amat diperlukan. Pemantauan dari pihak MAIN dan khidmat nasihat JAIN akan membantu ahli jawatankuasa pengurusan masjid menguruskan dana-dana masjid dan menjana aset-aset masjid seperti dewan masjid bagi kemaslahatan ahli kariah. Kajian yang dijalankan di beberapa masjid sekitar Daerah Hulu Langat ini sedikit sebanyak memberikan maklumat tentang tatacara pengurusan dana masjid yang secara keseluruhannya adalah baik.

Model pengurusan ekonomi dan kewangan masjid yang sesuai dengan peranannya mampu memberi panduan asas kepada pihak pengurusan masjid di dalam merancang, mentadbir dan mengawal selia pendapatan dan perbelanjaan masjid.

Perolehan dana berbentuk umum dapat memberi ruang yang luas kepada pihak pengurusan masjid di dalam merangka aktiviti mereka. Namun begitu, dana khusus perlu dibentuk bagi tujuan tertentu bagi memastikan kejayaan kutipan dana bagi tujuan tersebut. Dari segi perbelanjaan pula, peranan masjid di dalam sektor ijtima^ci patut diutamakan berbanding perbelanjaan idari dan tijari. Ini adalah kerana masjid bukanlah sebuah entiti perniagaan yang bermotifkan keuntungan. Namun begitu, dalam dunia hari ini, pihak masjid mungkin terpaksa melibatkan diri di dalam aktiviti tijari bagi menjamin kelangsungan aktiviti ijtma'inya.

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam dapatan kajian, ketiadaan garis panduan berasaskan fatwa bagi pengurusan ekonomi dan kewangan masjid mungkin boleh menghalang kecekapan pengurusan ekonomi dan kewangan sesebuah masjid. Oleh itu, pihak Majlis Agama Islam Negeri/Wilayah dan Jabatan Mufti Negeri/Wilayah dicadangkan agar menyediakan satu garis panduan khusus yang terperinci berasaskan fatwa (fatwa-based guidelines) berkenaan hukum Shariah berkaitan pendapatan dan perbelanjaan masjid. Ini bagi memastikan agar pentadbiran masjid dapat berjalan lebih lancar dan tidak dihambat dengan persoalan-persoalan hukum yang rumit dan mengelirukan.

Selain itu, perakaunan masjid juga perlu diberi perhatian dan ianya hendaklah diaudit oleh juruaudit luar yang bertauliah. Ini bagi memastikan ketelusan pihak pengurusan masjid di dalam mengurus akaun masjid yang mana terdapat masjid yang memiliki aset tunai sehingga ratusan ribu ringgit. Keyakinan masyarakat Islam terhadap pengurusan dana masjid juga akan bertambah dan menjadi pemangkin untuk menarik dana-dana dari peyumbang-penyumbang baru.

Justeru penulisan dan kajian di masa akan datang seharusnya menjurus ke arah membantu pihak berkuasa negeri/wilayah di dalam menyediakan garis panduan fatwa (fatwa-based guidelines) berkenaan hukum Shariah berkaitan pendapatan dan perbelanjaan masjid. Pengkajian berkaitan isu perakaunan dan audit akaun masjid juga diharap membantu memperkemaskan lagi pengurusan ekonomi dan kewangan masjid. Di antara isu-isu lain juga yang boleh dikaji di masa akan datang adalah seperti kaedah pelupusan harta atau aset masjid, gantirugi

kerosakan atau kerugian dalam aktiviti pelaburan, bentuk-bentuk aktiviti tijari yang berpotensi tinggi serta peranan masjid dalam sistem ekonomi Islam.

Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong

BIBLIOGRAFI

Al-Quran Al-Karim.

Abdullaah Jalil & Muhamad Muda. 2008. Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistemik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta. Jurnal Pengurusan JAWHAR, Vol. 2, No.1, ms. 53-72.

Abdullah Hj Abdul Ghani. 2009. Penjanaan dan pengurusan kewangan masjid. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asean 2009. Universiti Utara Malaysia.

Abdullah Mat & Muhyidin Hj Aziz. 2002. Konsep dan falsafah masjid. Prosiding Seminar Pembangunan Masjid. Universiti Malaya.

Abdul Halim Abdul Majid. 2009. Pengurusan sumber manusia dalam pengurusan masjid. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asean 2009. Universiti Utara Malaysia.

Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). Pentadbiran Undang-Udang Islam di Malaysia. Kuala Lumpur: IKIM.

Al-Bukhari, Muhammad Ibn Ismail. 2006. Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah.

Al-Nablusi, Muhammad Ratib. 2008. Dawr al-masjid fi al-Islam. Diambil di <http://www.nabulsi.com/text/05seera/9fiqhseera/fiqhseera-57.php> pada 12 Julai 2009.

Al-Naysaburi, Muslim Ibn al-Hajjaj. 2008. Sahih Muslim. Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah.

Al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad. 2007. Sunan al-Tirmidhi. Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah..

Ensiklopedia Fiqh (al-Mawsu^cah al-Fiqhiyyah). (1997). Kuwait: Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Agama Islam.

Faridah Hj. Mohd Sairi. 2002. Program Dakwah Masjid Abu Bakar, Temerloh, Pahang: Kajian Mengenai Sambutan dan Masalah. Prosiding Seminar Pembangunan Masjid. Universiti Malaysia.

Fatwa Mufti Kerajaan Brunei-Isu-isu Kewangan. 2000. Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei.

Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Melaka. Tt. Pejabat Mufti Negeri Melaka. Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Johor. Tt Jilid 11.

Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Johor. Tt. Jilid 1.

Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Terengganu. 2000. Jabatan Hal E gama Agama Terengganu. Fatwa-Fatwa Yang Telah Dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang Tahun 1961-1989. Jilid 1. Tt

Himpunan Fatwa Negeri Kedah Darul Aman. Tt. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah.

Hasni Hj Osman & Abdullah Hj Abdul Ghani. 2004. Pengurusan dan pengimarahkan masjid di Perak. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid. Universiti Utara Malaysia.

Hussein Ismail. 2009. Perkongsian pengalaman pengurusan masjid Asean: Masjid Jamek Bandar Baru UDA Johor Bahru. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asean 2009. Universiti Utara Malaysia.

Ibnu Abi Shaybah, Abu Bakr Abdullah Ibn Muhammad. 1995. Al-Musannad fi al-ahadith wa al-athar. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibnu Majah, Abu Abdillah Al-Qazwini. 2008. Sunan Ibn Majah. Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyyah.

Joni Tamkin dan Che Zarian Sa'ari. 2002. Pembangunan Ekonomi Masjid. Seminar Pembangunan Masjid. Universiti Sains Islam Malaysia.

Lukman Wan Mat Daud. 2009. Pengurusan latihan dan pentadbiran masjid. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asean 2009. Universiti Utara Malaysia.

Mohd Diah Hamdan et al. 2009. Sistem pengurusan kewangan dan kawalan aset masjid: Satu kajian permulaan di Negeri Sembilan. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asean 2009. Universiti Utara Malaysia.

Mohd Mohadis Haji Yasin. 1997. Pengurusan dan pentadbiran institusi masjid: Kajian Kes di Negeri Melaka. Dissertasi (M. Usuluddin), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohd Takiyuddin Ibrahim. 2009. Kitar semula menjana pendapatan masjid/surau: Satu pengalaman. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asean 2009. Universiti Utara Malaysia.

Muhd Fauzi Hj Muhammad. 2002. Pembangunan masjid dan halangannya. Prosiding Seminar Pembangunan Masjid. Universiti Malaya.

Muhammad Syukri Salleh. 2004 . Masjid dan pembangunan berteraskan Islam. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid. Universiti Utara Malaysia.

Roslan Mohamed. 2002. Keberkesanan Program Masjid: Kajian Umum Masjid-Masjid Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.. Prosiding Seminar Pembangunan Masjid. Universiti Malaya.

Shaikh Ali Mohamad Mokhtar. 1997. Peranan masjid dalam Islam. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Shukri Ahmad. 2009. Pengurusan masjid ke arah anjakan paradigma pemikiran ummah. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asean 2009. Universiti Utara Malaysia.

Sidi Gazalba. 1989. Masjid Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam. Jakarta: Pustaka al- Husna.

Siti Mashitoh. 2004. Pengurusan Masjid Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asean 2009. Universiti Utara Malaysia.

Siti Rokiah Md Zain. 2009. Perakaunan masjid: Satu kajian rintis di daerah Dungun.

Suhaimi Mustar. 2009. Perkongsian pengalaman pengurusan masjid Asean: Masjid as- Syakirin, Singapura. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asean 2009. Universiti Utara Malaysia.

Suhaimi Mustar. 2009. Perkongsian pengalaman pengurusan masjid Asean: Masjid as- Syakirin, Singapura. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asean 2009. Universiti Utara Malaysia.

Zakaria Bahari dan Mohd Kamal Omar. 2004. Penjanaan Dana Pengurusan Masjid. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid. Universiti Utara Malaysia.

Laman Sesawang

www.e-fatwa.gov.my

www.jawi.gov.my

www.jcorp.com.my

www.maij.gov.my

Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong

LAMPIRAN

Halaman ini sengaja ditinggalkan kosong

LAMPIRAN A

Nama masjid : **MASJID KAMPUNG MEWAH**
 Nama penyata : **PENYATA PENDAPATAN, PERBELANJAAN DAN DANA BERSIH**
 Bagi bulan / tahun berakhir : **31/05/2012**

	DANA UMUM	DANA KHUSUS (Khairat Kematian)	DANA KHUSUS (Pembinaan Masjid)	DANA KHUSUS (Perniagaan)	JUMLAH
A PENDAPATAN					
Peruntukan Majlis Agama Islam					
Sumbangan Syarikat Korporat					
Sumbangan Orang Awam					
Hasil Perniagaan					
JUMLAH					
B PERBELANJAAN					
i. <u>Idari (Pentadbiran)</u>					
Bil Air & Elektrik					
Upah & Gaji					
Belanja Penyelenggaraan					
Belanja Pembangunan					
ii. <u>Ijtima'ie (Kemasyarakatan)</u>					
Belanja Aktiviti					
Saguhati Penceramah					
iii. <u>Tijari (Perniagaan)</u>					
Belanja Perniagaan					
JUMLAH					
PERUBAHAN BERSIH DANA					
BAKI AWAL DANA					
BAKI AKHIR DANA					

Disediakan oleh:

Disaksikan oleh:

Disaksikan oleh:

LAMPIRAN B BUKU REKOD KEWANGAN

BUKU REKOD KEWANGAN

DANA :
BULAN :

[illegible]

Jenis sumbangan

Peruntukan Majlis Agama Islam Negeri.....

Sumbangan Syarikat Korporat.....

Sumbangan Orang Awam.....

Hasil Perniagaan.....

Jenis Perbelanjaan

- Bil air & Elektrik
- Upah & Gaji
- Saguhati penceramah
- Belanja Aktiviti
- Belanja Penyelenggaraan
- Belanja Pembangunan
- Belanja Perniagaan
- Belanja Pengangkutan

[illegible]

LAMPIRAN C



Pingat Perak (Silver). PECIPTA 2013. E-Mimas: Inovasi Masjid. Penerimaan: Norman Hamdan, Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Asmaddy Haris, & Aizuddin Abd Aziz. (2013).

LAMPIRAN D



Pingat Emas. i-INOVA '13 (4th Exposition on Islamic Innovation 2013).
Penerima: Norman Hamdan, Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Asmaddy
Haris, & Aizuddin Abd Aziz. (2013). E-Mimas: Inovasi Masjid.